

The page features a decorative design with three blue circles of varying sizes and several thin blue lines. One large circle is at the top right, a medium one is below it, and a very large one is at the bottom right. Lines connect the circles and extend across the page.

Sebuah Autobiografi

PELANGI DI RANTING USIA

cerita untuk anak-anak cucuku

Terlalu banyak keindahan di dalam hidup ini yang lupa kita hitung. Berhentilah barang sejenak, lihatlah apa yang terbentang di sekeliling kita – suatu hari nanti ia mungkin tidak wujud lagi... Betapa bertuahnya aku dapat melihat daun semalu tertutup dan terkuncup apabila disentuh, betapa bertuahnya dapat aku melihat berudu berenang-renang tenang di dalam lopak air, juga memerhati anak-anak ayam dan itik di reban rumah nenekku -- yang berusaha keluar daripada lingkaran bujukan telur yang mengurungnya untuk menetas dan menghirup udara bebas...

Suraya Ariffin

31 Disember 2013

0 | Page

CERITA 1

WAKTU KECIL

1963 – 1969

KOTAK fikir sudah puas kubolak-balikkan – mencari-cari saat paling awal bermulanya memori silam ini, agar dapat dikongsikan bersama-sama anak-anak dan cucu-cicitku... biar mereka kenal siapa diriku, biar kisah perjalanan hidup ini memberikan suatu inspirasi dan menumbuhkan semangat buat mereka dalam menjalani hidup dan kehidupan ini. Namun pada ketika ini, apa yang kuingat adalah tempat aku dibesarkan...

Ketika sinar pagi mula menyengat dan matahari pun mulai naik sepenggalah, jam 11.45 pagi, aku dilahirkan oleh ibuku, Shaara Abdullah, pada 8 Jun 1963 di Kampung Bahagia, Petaling, Kuala Lumpur. Suraya, nama indah yang mak pilih untukku sempena nama Permaisuri Shah Iran – Puteri Soraya. Kata mak, sewaktu aku dilahirkan, wanita tercantik yang dipuja seluruh dunia adalah Puteri Soraya, permaisuri Shah Iran ketika itu. Mungkin mak inginkan aku menjadi wanita secantik dan sehebat itu. Suraya dalam bahasa Sanskrit bermakna 'Bintang Timur'... mungkin juga tanpa mak sedari dia telah memberikan nama yang terbaik untuk kubawa dan kumaknakannya sepanjang perjalanan hidupku.

Ketika usiaku 2 tahun, aku sudah menjadi seorang anak yang berpenyakit. Kata mak, aku pernah terjatuh di dalam lubang sampah yang dipenuhi air kotor. Mujur ketika itu mak sempat menarik rambutku yang terapung-apung di permukaan air. Selepas peristiwa itu, kata mak, dia terpaksa menyerahkan aku kepada ibunya

(nenekku) kerana mak mengandung lagi dan tidak sanggup menjaga aku yang menanggung sakit setiap hari. Aku percaya, tiada ibu yang tidak menyayangi anaknya sendiri... jerih payah dia melahirkanku, pasti ada sekelumit kasih sayang untukku. Namun aku percaya bahawa keadaan mak ketika itu tidak memungkin dan mengizinkan dia membesarkan aku.

Tahu-tahu saja aku sudah berada di tangan nenek. Neneklah yang membesarkan aku dengan caranya yang tersendiri. Nenekku, Safiah binti Abdullah, seorang mualaf keturunan Cina. Dia hidup sendiri, mengumpul dan mengerah segala usahanya untuk menjadi seorang wanita yang berjaya menggapai hidup sempurna. Nenek seorang wanita yang kental semangat juangnya; dia bekerja keras untuk suatu kehidupan yang diidam-idamkannya.

Rumah nenek di Lot No. 60, Kampung Pasir Baru, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur... Itulah tempat aku dibesarkan dengan segala macam peristiwa yang membentuk diriku untuk tegak menjadi seorang gadis yang cekal dan tabah. Rumah nenek cuma rumah Melayu biasa, bertiang tinggi di bahagian hadapan dan merendah di bahagian belakangnya. Rumah nenek adalah tipikal rumah Melaka dengan tangga batu yang dicat hijau. Rumah nenek bertiang tinggi kerana jaraknya dari tebing sungai tidak sampai pun 500 meter (Sungai Kelang yang mengalir ke Kuala Lumpur). Jadi kalau sungai itu memuntahkan isinya sewaktu hujan lebat, sekurang-kurangnya bahagian atas rumah terselamat daripada musibah atau dinaiki air.

Itulah rumah paling cantik yang kukenal – sebuah rumah yang senantiasa dihiasi dengan langsir-langsir bercorak bunga yang nenek jahit sendiri. Rumah nenek tidak pernah kotor walau sedikit pun. Tiada habuk yang berani hinggap kerana nenek sentiasa

membersihkan rumah itu daripada dihinggapi kekotoran. Lantai papan rumah nenek dialas dengan pelapik getah yang warnanya dipilih sedondon dengan hiasan dalamnya.

Di bahagian atas, ada dua bilik – sebuah bilik tidur nenek dan aku, sebuah lagi bilik Pak Long Isa, satu-satunya anak lelaki nenek yang ketika itu belum berkahwin lagi. Pak Long memang berkahwin lewat kerana dia lelaki yang sangat cerewet dan suka bertengkar dengan nenek siang dan malam. Ada kalanya mereka bergaduh seperti mahu berbunuhan, namun kemudian esoknya nenek mengalah kerana tak kuasa melayan perangai anak sulungnya itu.

Di bahagian bawah pula, ada bilik besar yang nenek sediakan untuk aku bermain. Di bilik itulah aku banyak menghabiskan waktu, berimajinasi dan bermain-main sendirian kerana nenek tidak membenarkan aku berkawan.

Mengapa? Nanti akan kukisahkan apa sebabnya.

Di bahagian bawah juga, bersebelahan dengan bilik besarku itu adalah ruang rehat, tempat nenek duduk dan membuat kerja-kerjanya. Selain berkebun, membela ayam, itik dan angsa, nenek juga menjahit pakaiannya sendiri. Di ruang itulah juga nenek menjahit, berdekatan dengan tingkap kerana di situ ada cahaya terang yang masuk dari luar dan memudahkan pandangan matanya.

Dapur nenek kecil tetapi kemas. Cuma ada dapur dua tungku untuk nenek memasak setiap hari. Di sebelah kanan dapur itu, ada bilik air yang cantik, kemas dan bersih. Di dalam bilik air itu ada kolah air, tempat nenek menakung air bersih. Air yang ditakung, nenek ambil sedikit demi sedikit untuk kegunaan harian, kerana ketika aku kecil, kami masih menggunakan air perigi.

Keluar saja dari pintu dapur, di sebelah kanan ada pangkin kayu untuk nenek dan aku membuat kerja-kerja harian. Nenek buat kuih bahulu di atas pangkin itu, nenek mengupas nangka, memproses bedak sejuknya dan membuat pelbagai kerja di atas pangkin tersebut. Pangkin itulah juga tempat yang paling kusukai sebab apabila minum petang di atas pangkin, aku boleh melihat ayam berlaga atau itik dan angsa bergaduh – suatu panorama yang mengasyikkan.

Di sebelah kiri pula, ada tempat nenek membasuh baju yang terletak sebiji tempayan air yang besar di situ. Perigi nenek cuma sedepa sahaja daripada letaknya tempayan itu. Nenek akan mencedok air perigi dan disaringnya melalui tempayan besar itu. Pada bahagian paling bawah tempayan besar itu diisi dengan batu-batu sungai serta pasir halus, kemudian ada batu kerikil kecil, lapisan ketiga ada arang, lapisan keempat batu yang besar, lapisan paling atas ada pasir halus semula. Air perigi dicurahkan perlahan-lahan ke dalam tempayan besar itu, dan nenek membuat lubang kecil yang dapat mengalirkan air ke takungan bahagian bawah. Air takungan itu nenek angkat dan masukkan ke dalam kolah yang besar di dalam rumah. Begitulah yang terlihat olehku setiap hari... nenek mengangkat air itu dengan kudratnya sendiri. Jarang sekali Pak Long membantu. Nenek melakukan rutin kerjanya itu seolah-olah beban air itu tak pernah dirasainya.

Perigi nenek tidak seperti perigi-perigi orang lain. Aku dipaksa menyental bahagian luar perigi dengan berus dawai setiap kali ada tanda-tanda kekotoran. Kalau bersandar pada perigi nenek, baju tak akan pernah kotor terkena lumut kerana lumut pun ‘takut’ kepada nenek... dan nenek pantang tengok lumut, semuanya dikerjakan... Perigi nenek selalu ditutup dengan pelepah kelapa. Nenek marah

kalau aku menonggeng-nonggeng menjengah ke dalam perigi. Kata nenek, “Nanti ditolak hantu, baru tahu!” Tapi, dasar anak kecil yang selalu mahu mencuba sesuatu yang berbahaya, pantang saja kelibat nenek jauh daripada pandanganku, aku akan menjengahkan mukaku ke muka perigi dan aku memanggil-manggil hantu perigi itu. Bergema-gema kudengar suaraku sendiri. Seronok apabila mendengar suara sendiri “Hantuuuuu... Mana ada hantuuuuu...”

Tiba-tiba nenek datang membelasahku dengan kayu beloti. Apabila rasa nak patah tulang temulang, barulah aku lari. Aduh...

Kawasan rumah nenek tidaklah sebesar mana, tetapi cukup untuk nenek buatkan reban ayam dan itik. Nenek asingkan reban ayam jauh sedikit daripada reban itik dan angsa supaya peliharaannya itu tidak bergaduh. Kawasan reban itu dipagar rapi. Setiap hari aku jugalah yang dikerah membersihkan reban. Paling seronok apabila ayam dan itik mula mengeram... setiap hari aku melihat ke dalam reban kalau-kalau ada telur yang sudah menetas. Aduh, sungguh teruja menanti anak-anak ayam dan itik lahir ke dunia.

Dan seperkara lagi yang paling kusukai dan menjentik hatiku ialah melihat ibu ayam yang duduk di dalam tanah – lubang yang terhasil daripada kaisannya, dan disitulah anak-anaknya berlindung di bawah badannya.

Ada sebahagian telur yang tidak dieramkan untuk kami makan. Akulah yang sering mengutip telur-telur itu dari reban. Kadangkala terasa masih hangat lagi telur itu sebab baru keluar dari bontot ayam!

Selain itu, nenek mengambil telur itik untuk dijadikan telur asin. Mudah saja membuat telur asin. Nenek mencuci telur itik yang putih bersih itu dengan sempurna, kemudian nenek merendamnya di dalam larutan garam dan meletakkan sebiji cili supaya bahagian tengah telur menjadi merah menyala.

Ayam, itik dan angsa nenek bukan saja berguna untuk telurnya; tahi ayam dan itik nenek dikumpulkan di dalam sebuah lubang. Kemudian nenek gunakan kembali untuk membajai pokok-pokok di sekeliling rumah. Nenek memang bijaksana...

Kawasan rumah nenek dikelilingi pokok buah-buahan. Ada pokok jambu batu, ada pokok kedondong, pokok belimbing besi, nangka, kelapa pandan, rambutan dan pokok mangga. Dalam kawasan yang rimbun dengan pepohonan itu, masih ada sedikit ruang untuk nenek berkebun sayur setiap hari. Nenek menanam sawi, kobis, tomato, cili merah dan kangkung. Di belakang sekali, betul-betul dekat dengan anak sungai, nenek akan tanam pokok tebu yang banyak, juga pokok jagung. Anak sungai itu masih jernih ketika aku kecil... banyak betul ikan kecil berenang-renang. Nenek buat titi daripada batang pokok kelapa yang tumbang, kerana melalui anak sungai yang kecil itu, ada jalan potong untuk menghala ke jalan besar, melalui rumah-rumah jiran.

Oleh sebab tebing sungai amat dekat dengan rumah nenek, aku selalu mencari kesempatan untuk berlari sebentar ke situ, melihat kumpulan orang Cina mendulang bijih timah pada waktu pagi dan petang. Dengan topi yang besar untuk melindungi wajah dan kepala daripada terik matahari, mereka menggunakan dulang dan mengaut pasir-pasir sungai, mencari cebisan-cebisan bijih yang mungkin ada, sebagai rezeki mereka pada hari itu.

Itulah pandangan yang amat indah pada mataku. Sungai Kelang yang warnanya seperti teh susu, mengalir deras, namun mereka tetap juga terbongkok-bongkok mencari khazanah berharga itu. Aku selalu berkaki ayam kerana ingin tapak kakiku merasai pasir sungai yang halus. Kadang-kadang terlihat budak-budak lelaki bermain layang-layang di tebing sungai itu. Namun, biasanya apabila sedikit terlewat pulang ke rumah, maka pasti aku akan dibelasah oleh nenek. Tak kira apa yang ada di tangannya – tali pinggang, kayu, rotan, baju, semuanya akan dilibaskan ke badanku. Namun aku tak pernah serik. Aku relakan tubuh kecil ini disakiti kerana apa yang ingin kulihat itu dapat memberikan rasa bahagia yang berpanjangan berbanding kesan calar-balar sebatan yang akan hilang dalam masa dua hari.

Jiwaku mencintai alam sekitarku... mencintai sungai, mencintai pohon-pohon, mencintai ayam itik dan mencintai ruangku yang tersendiri di rumah nenek. Tetapi aku sedikit berbeza dengan anak-anak kecil yang lain sebab nenek tidak membenarkan aku berkawan.

Kata nenek, tiada siapa yang mahu berkawan dengan aku. Natijah daripada kemalangan sejak berusia 2 tahun itu, seluruh badanku berkudis-kudis. Nanah hanyir keluar dari kedua-dua belah telingaku dan nenek selalu menyumbatnya dengan kapas. Nenek tak mahu orang geli melihat cucunya, jadi nenek merawatku sebaik mungkin... kerana itu juga sebelah gegendang telingaku sudah tiada, aku pekak sebelah. Sebab itulah mungkin aku tidak dapat bertutur dengan baik – aku anak kecil yang gagap dan akan mengulum segala kata-kata yang ingin kuluahkan. Aku adalah anak kecil yang penuh parut-parut di tubuh. Namun, nenekku yang garang itu sebenarnya wanita yang sangat prihatin. Segala macam ubat nenek ikhtiarkan untukku; kami membuat bedak sejuk sendiri untuk dilumur ke

seluruh badanku yang penuh kudis itu. Pelbagai ubat kutelan setiap hari; nenek memasak makanan yang bagus-bagus untukku supaya aku sihat dan jadi cantik semula. Jadi, di rumah nenek, aku sentiasa mendapat makanan yang berkhasiat. Dengan itu, kulitku yang berkudis itu akhirnya sembuh dengan sempurna.

Tak dapat kulupa jasa nenek, dia malah memandikan aku setiap hari. Telapak tangannya sangat kasar kerana setiap hari memegang cangkul... ooo... dengan tangan yang kasar itu, tubuhku digosoknya dengan beras hancur supaya licin kembali. Aduhai, sakit seperti kena dawai apabila digosok, tapi hasilnya, aku menjadi seorang wanita yang tak pernah mengabaikan kulit tubuhku kerana tak mahu ada parut yang menghodohkan kulitku itu lagi.

Selepas mandi, nenek akan melumur minyak kelapa yang nenek masak sendiri. Bukan saja dia melumur kulitku, nenek juga melumur ke kulitnya sendiri. Tak lupa juga pada setiap helaian rambut nenek. Setiap malam minyak kelapa itu berada di atas kepala kami; terasa sejuk dan nyaman. Esok, pagi-pagi barulah minyak itu dicuci bersih dengan *shampoo*.

Aku melihat nenek seorang wanita yang sangat mengambil berat tentang kecantikannya. Walaupun ketika itu nenek sudah berusia, tetapi setiap hari dia menjaga penampilannya. Tiada wanita yang lebih bersih daripada nenek. Baju kami dibasuh bersih, kemudian nenek merebus baju-baju itu untuk mematikan kuman. Setelah itu, barulah dimasukkan ke dalam larutan kanji, kemudian dijemur pada panas matahari. Nenek akan meredam baju yang putih bersama nila. Masih kuingat lagi, di rumah nenek ada berbuku-buku nila yang disimpannya. Setiap buku nila itu digunakan dengan jimat. Aku tidak faham apakah fungsi nila itu pada pakaian putih sehingga

hari ini... tapi kerana nenek yang menggunakannya, aku akur bahawa dia lebih arif daripada diriku.

Di meja soleknya pasti ada krim *Hazeline Snow*. Krim itu dioles pada wajahnya yang putih bersih itu setiap hari. Jika nenek tiada terpendang, aku juga curi-curi mengoles *Hazeline Snow* ke mukaku... wah... memang berseri!!! Nenek menyisir rambutnya yang panjang selama 15 minit. Daripada proses mengeringkan rambut dan menyisirnya, aku boleh tertidur. Sekejap dia menundukkan kepalanya, sekejap dia kebelakangan tengkoknya, hingga pelbagai arah rambut itu disisir. Hasilnya, ketika nenek berusia 70 tahun pun, rambut nenek masih lebat dan sihat.

Aku adalah hasil daripada didikan nenek. Sejak kecil aku dipakaikan dengan pakaian yang bersih dan cantik kerana nenek menjahit baju untukku. Pelbagai gaun yang nenek jahitkan untukku. Aku selalu berangan-angan menjadi seorang puteri. Aku mahu selalu cantik seperti nenek, mahu rajin seperti nenek dan mahu kaya seperti nenek. Istilah kaya kugunakan di sini, kerana berbanding orang lain, nenek berjaya mengumpul wang untuk menyara hidup kami tiga beranak (aku, Pak Long dan dirinya sendiri) daripada hasil kerja kerasnya. Kata nenek, kita kena kerja keras untuk cari wang yang banyak. Orang yang ada wang adalah orang yang dihormati. Selain berkebun serta menjual sayur dan buah-buahan yang ditanamnya, nenek juga berniaga. Dia sangat terkenal di Kampung Pasir kerana dia menjual emas, permaidani, kain baju dan barangan dapur dari rumah ke rumah.

Nenek mampu berniaga walaupun sebenarnya dia buta huruf. Namun dia juga seorang yang sangat rajin belajar. Dia masuk sekolah dewasa ketika usiaku 5 tahun. Aku sering mengikut nenek ke

sekolah dewasa dan duduk diam-diam di sebelah nenek. Nenek dan teman-teman sekelasnya diberikan buku untuk belajar di rumah. Setiap malam, selepas solat Isyak, nenek akan cuba sedaya upaya untuk mengeja. Aku hanya memerhatikan nenek yang terkial-kial.

“Nanti bila Aya dah sekolah, Aya ajarkan nenek membaca, ya?” kata nenek.

Aku cuma mengangguk-angguk. Nenek memang rajin mentelaah. Nenek juga belajar mengaji. Walaupun sukar untuk menyebut ayat-ayat suci al-Quran, tapi dicubanya sedaya upaya. Pelat Cinanya sangat kuat tetapi nenek tak pernah putus asa. Melihat kesungguhan nenek belajar membaca dan mengaji, semangatku untuk ke sekolah juga membuak-buak. Kata nenek, hidup mesti berilmu. Orang berilmu dipandang tinggi. Nenek mungkin tidak pandai membaca, nenek mungkin cuma dapat menghafal ayat-ayat suci serba sedikit, asal dapat dia mendirikan solat, tapi aku tetap bangga dengan kesungguhan nenek dan sikapnya yang tidak pernah berhenti mencuba itu.

Ada suatu kemahiran nenek yang aku kagumi. Nenek terlalu pandai mengira. Cara dia mengira hanya mencongak di dalam kepalanya saja. Berapa ribu pun boleh dikira tanpa perlu menulis di atas kertas. Nenekku hanya pandai melihat angka. Angka bagi nenek adalah kehidupannya. Dia ada buku kecil (Buku Tiga Lima yang bertanda ‘555’) yang mencatatkan semua hutang piutang pelanggannya. Apa yang membuat aku takjub, cara dia menguruskan perniagaannya dengan buku kecil itu.

Setiap kali dia menjual barang (secara ansuran) kepada orang-orang kampung, Buku Tiga Lima itu akan dibawanya bersama. Sesiapa saja yang membeli secara ansuran itu, disuruhnya menulis

nama mereka sendiri, dan dengan tulisan tangan mereka sendiri. Ada tiga perkara penting yang disuruh oleh nenek untuk mereka tulis.

“Hah.. tulis... tulislah... Paling atas sebelah kiri, nama kamu. Di bawahnya, barang yang kamu beli. Di bawahnya lagi, harga barangan itu.”

Jadi semua pelanggan akan menulis satu muka surat dengan nama mereka. Setiap kali mereka membayar, pelanggan akan menulis tarikh dan jumlah bayaran, kemudian meletakkan tandatangan. Jadi, tiada sesiapa pun boleh menidakkan apa yang mereka bayar atau belum bayar. Nenek hanya perlu tahu berapa jumlah atau baki yang harus dikutipnya setiap bulan. Walaupun nenek buta huruf, tetapi perniagaannya mencecah ribuan ringgit.

Oleh kerana kesungguhan nenek berniaga, kami dilihat sebagai antara orang yang mewah di Kampung Pasir. Rumah nenek besar dan cantik, segalanya lengkap pada waktu itu. Sebelum bekalan elektrik dinikmati di Kampung Pasir, setiap senja nenek akan memasang lampu karbaid. Bau lampu karbaid itu memualkan, tetapi lama kelamaan aku menjadi biasa. Lampu karbaid menggunakan bekas silinder di bahagian bawah, manakala terdapat satu corong panjang ke atas yang boleh dibakar. Separuh silinder itu dipenuhi dengan kimia kabaid dan api dinyalakan pada corong atas. Lama kelamaan apabila di pasaran sudah ada lampu *gasoline*, neneklah orang yang pertama membeli tiga biji lampu *gasoline*, hinggalah rumah kami terang benderang. Lampu *gasoline* tidak berbau, tetapi nenek akan mengepam *gasoline* itu berkali-kali sebelum lampu itu boleh mengeluarkan cahaya. Cahaya lampu *gasoline* adalah dua kali ganda terangnya daripada lampu kabaid.

Malam di desa amat nyaman sekali. Dalam sunyi akan terdengar bunyi katak bersahut-sahutan dan cengkerik yang bernyanyi-nyanyi. Ketika malam, aku akan membantu nenek memasang kelambu, supaya tidur malam kami tidak diganggu nyamuk. Apabila kelambu siap digantung, aku akan berbaring di sebelah nenek. Nenekku yang garang itu, apabila malam, 'angin'nya jadi lembut. Dia suka bercerita kisah-kisah silamnya dan aku adalah pendengar paling setia pada setiap ayat yang keluar dari mulutnya. Ketika kecil dulu, aku memang tidak menghargai dan tidak dapat memahami sepenuhnya motif nenek ketika dia bercerita, kini... ketika aku juga sudah bergelar nenek kepada dua orang cucu, barulah aku mengerti bahawa nenek melepaskan segala isi hatinya supaya apa saja yang terbuku di hati, terlepas bagaikan burung yang terbang bebas... agar nenek tidak menyimpan kepedihan, kesedihan atau kemarahannya ketika dia tidur.

Seperti kanak-kanak lain yang ingin mencuba sesuatu, walaupun tidak dibenarkan berkawan, aku sebenarnya masih dapat mencuri-curi bermain dengan Wa, anak jiran sebelah rumah. Dialah kawanku yang pertama. Anak jiranku ini memang nakal, ibunya musuh ketat nenek, patutlah aku tidak dibenarkan berkawan dengan Wa. Tetapi ketika nenek tidur siang sebentar melepaskan lelahnya atau ketika nenek pergi ke kedai (dan aku enggan mengikut sebab cuaca panas, kononnya), maka itulah peluang termahal yang aku manfaatkan untuk bermain dengan Wa. Aku belajar naik basikal ketika berusia 5 tahun dengan Wa. Itulah satu-satunya perkara yang sangat aku ingat kerana belajar menaiki basikal yang berpalang, bukannya mudah. Sudahlah kaki tak sampai, berbasikal dengan cara menyusupkan kaki di celah palang, seolah-olah mengayuh basikal dalam keadaan separuh duduk. Ketika itu juga aku harus tahu

mengimbangkan badan dan berkali-kali aku jatuh, malah pernah terlanggar pokok ubi gajah hingga berpinar-pinar kepalaku dan sakit semua tubuhku. Akhirnya, aku pandai juga berbasikal setelah jatuh entah yang kali yang keberapa puluh. Terima kasih, Wa... jasamu dikenang.

Dengan Wa juga aku belajar panjat pokok rambutan, panjat pokok kepala gading. Dengan Wa juga aku memerangkap ikan keli dari longkang yang kotor dengan tin Milo. Dalam kesempatan yang sangat sedikit itu, dapat juga aku curi-curi bermain dengan Wa. Akhirnya, nenek sudah tak larat lagi memukulku setiap kali aku berbau hanyir apabila balik daripada bermain dengan Wa. Maka aku dibenarkan bermain, tetapi dengan syarat hanya di kawasan rumah – bukan pergi ke sungai atau merayau keliling kampung. Wa suka mengajarku perkara yang bukan-bukan... misalnya, mencuri rambutan di rumah jiran, mengintai orang ‘buang hajat’ dan bermain di landasan kereta api. Pada suatu ketika, ada berita seorang budak lelaki mati menggantung diri di dalam rumah. Aku dan Wa pergi juga ke rumah berkenaan untuk melihat keadaan ngeri itu. Itulah saat yang tidak dapat kulupakan ketika kecil. Aku pulang dalam keadaan menggigil, demam dua hari, dan selepas itu aku tidak mahu mengikut Wa bermain atau melihat benda yang bukan-bukan lagi.

Lama-kelamaan semakin aku fahami mengapa nenek sangat jengkel dengan Wa. Tetapi, sikap *adventurous* Wa itu jugalah yang telah memberikan aku peluang melihat pelbagai perkara yang tidak pernah terfikir olehku. Aku menjadi cucu nenek yang baik semenjak aku demam melihat mayat tergantung. Nenek memaafkan aku walaupun aku tidak mengikutinya.

Ketika kutulis catatan ini, aku berasa amat rindu kepada nenek - wanita yang membesarkan aku dengan caranya yang tersendiri. Aku merindui suara pelatnya, aku merindui wajah indahnya – kulitnya yang putih bersih, rambutnya yang hitam yang disisirnya hampir setengah jam. Aku merindukan percakapannya yang berisi, bersemangat dan membayangkan dia seorang yang berwibawa, rindu melihat kesungguhannya berniaga.

Dan... dan tiba-tiba aku melihat nenek yang kusayangi itu telah pun berada di dalam diriku... kerana dialah yang menjadikan aku sebagai seorang aku yang kamu kenal hari ini.

CERITA 2

ZAMAN SEKOLAH

1970 - 1976

SEMENJAK usia 2 tahun aku berada di bawah jagaan nenek, hidup di kampung, bekerja keras membantu nenek, bermain di bilik permainan yang besar dan tidur bersama nenek dalam satu kelambu sambil mendengar cerita-cerita silamnya, akhirnya waktu sudah tiba untuk aku pulang ke rumah mak.

Pada tahun 1970, usiaku sudah masuk 7 tahun dan waktu untuk aku memulakan persekolahan sudah tiba. Perasaan mula-mula dapat tinggal sepenuh masa di rumah mak membuatkan aku amat teruja. Maklum sajalah, di rumah nenek bukan boleh berkawan – main sendirian sahaja, main dengan anak patung, main dengan ayam itik, berangan sepanjang masa. Apabila balik ke rumah mak, aku mendapat seorang abang (Ismail), seorang kakak (Hariyati) dan dua orang adik (Shamsiah dan Suzanah). Ketika aku dipanggil pulang ke rumah mak, mak menyerahkan adikku, Cham (Shamsiah) pula untuk menggantikan aku, menemani nenek. Maklum sajalah, ketika itu Cham baru berusia 4 tahun dan Ana (Suzanah) 3 tahun.

Jarak usia yang terlalu dekat di antara kami itu menyukarkan mak menjaga kami semua, lebih-lebih lagi Cham yang berpenyakit lelah. Nenek adalah perawat yang

paling sempurna untuk anak-anak mak. Walau bagaimanapun, cuma aku dan Cham yang dibesarkan oleh nenek – adik-beradik yang lain semuanya di bawah jagaan mak dan nenek sebelah bapak (kami memanggilnya Nenek Nah dari Kampung Baru, Kuala Lumpur).

Sebelum kita pergi lebih jauh... sebelum kita sama-sama mengintai apa yang berlaku ketika aku mula menjadi penghuni rumah mak di Sungei Way, Petaling Jaya... aku kira penting untuk kita kenalkan siapakah mak dan siapakah bapak.

Shaara Abdullah - Mak, seorang isteri yang sangat taat kepada suaminya. Bapak adalah segala-galanya bagi mak. Maklum sajalah, ibunya (nenek) adalah mualaf dan balu yang ditinggal mati oleh suaminya. Ketika nenek masih terkapai-kapai belajar agama yang baru dianutinya, suaminya meninggal dunia. Kami sekeluarga tak pernah berpeluang melihat bagaimanakah wajah arwah Datuk Dollah, suami nenek Piah. Tetapi daripada cerita bapa saudaraku (Cik Yot – adik bongsu arwah bapak), arwah datukku itu berketurunan Bugis. Kulitnya sangat gelap dan dia memang bersikap garang dan panas baran. Nenek hanya tunduk kepada arwah datuk dan tidak kepada orang lain. Nenek sanggup dibuang keluarga kerana kahwin lari dengan arwah datuk (drebar ayahnya). Jadi apabila nenek menghadapi kesukaran untuk membesarkan dua orang anaknya ketika itu (mak dan Pak

Long Isa), dia terpaksa menyerahkan mak dan Pak Long kepada kakak iparnya (Ngah) di Kelang. Dengan cara itu, nenek dapat menumpukan usahanya mencari wang untuk dihantar kepada Ngah bagi menyara hidup kedua-dua orang anaknya itu. Jadi, mak seolah-olah anak yatim piatu. Ayah tiada, ibu pula jauh. Mak membesar tanpa kasih sayang. Kerana itu, apabila dia mendapat suami yang memberikannya sepenuh kasih sayang, bapaklah segala-galanya bagi mak.

Ariffin Hassan - Bapak, seorang lelaki yang berwajah ala-ala P. Ramlee. Berkulit hitam manis dengan rambut keriting. Bapak, sebelum berkahwin dengan mak adalah seorang ahli sukan bina badan. Bapak pernah menjuarai Mr. Malaya pada tahun 1960-an. Bapak berasal dari Kampung Baru, Kuala Lumpur. Kedua-dua ibu bapanya berketurunan Jawa. Suatu perkara yang patut dibanggakan dengan keturunan bapak ialah mereka orang yang baik hati, pemurah dan suka membantu orang lain.

Aku tidak pernah berkesempatan bertemu dengan kedua-dua orang datukku, cuma mendengar cerita sahaja daripada nenek. Datuk Hassan, rupa-rupanya adalah sahabat karib Datuk Dollah. Jadi, untuk mengeratkan hubungan mereka, mak dan bapak dikahwinkan. Mak seorang gadis jelita ketika mudanya, dan kerana itu sudah tentu bapak tidak ada masalah menerima mak sebagai isterinya.

Bapak bagiku adalah suami yang memanjakan isterinya. Walaupun bapak cuma seorang peon (*Office Boy*) tetapi bapak cuba sedaya upaya untuk memberikan yang terbaik untuk mak. Bapak selalu memeluk mak dari belakang sepulangnya daripada kerja. Mak selalu ketawa kecil. Bapak selalu menghiburkan mak, tetapi bapak garang dengan anak-anaknya.

Bapak bukan saja seorang bekas ahli bina badan, dia juga mengajar silat dan ilmu kebatinan. Aku pun tak faham apa yang bapak ajarkan. Apa yang aku tahu, banyak orang sakit datang berjumpa bapak untuk berubat. Yang gila boleh baik, yang sakit boleh sembuh, hantu pun boleh bapak halau. Hebatnya bapak. Namun, aku sentiasa takut kepada bapak. Aku sentiasa dibayangi sikap bapak yang garang dan suka memukulku apabila salah. Apabila bapak mahu memujukku, aku akan melarikan diri. Antara bapak dengan aku, hubungan kami tak pernah baik.

Jadi, ketika usia 7 tahun, aku menjadi orang asing di rumah keluargaku sendiri. Rumah No. 30, Jalan 26, Sungei Way (kemudian menjadi Jalan SS 9/2 - 10 tahun kemudian) adalah rumah yang kecil dan sempit bagiku yang sudah terbiasa dengan keadaan rumah nenek yang agak 'mewah'. Hanya ada dua bilik tidur asalnya – satu untuk mak dan bapak, satu lagi untuk anak-anak perempuan (Kak Atie, aku,

dan Ana yang masih kecil ketika itu). Kami tidur di atas tilam kekabu, yang harus dibersihkan setiap hari agar sentiasa gebu. Setiap hari tilam itu kami jemur di tengah-tengah panas dan dipukul-pukul dengan kayu agar kekabu di dalamnya tidak berbuku-buku. Abang pula tidur di ruang tamu kerana rumah itu sempit. Ya, sempit ya amat.

Sukar untuk aku menyesuaikan diri di dalam rumah mak. Kak Atie dan Abang Mail memang rapat... dan aku tersisih. Apa-apa pun kesilapan di dalam rumah, pasti aku yang dijadikan kambing hitam. Sudahlah aku ini gagap, hendak menjawab pun terasa susah, teramat-amat sangat. Belum sempat mempertahankan diri, sudah dirotan oleh mak atau dipukul bapak. Seksa rupanya hidup di sini. Namun lama-kelamaan aku terbiasa menjadi kambing hitam yang selalu dimarahi mak atau bapak tanpa sebab. Oleh sebab itu, aku sering menunggu tibanya hari Jumaat, kerana setiap Jumaat petang, bapak akan menghantarku dengan motosikalnya ke rumah nenek semula di Kampung Pasir untuk aku melepaskan rindu pada nenek dan bermain-main dengan adikku, Cham. Bapak akan datang mengambilkmu semula pada hari Ahad petang, kerana keesokan harinya aku perlu ke sekolah seperti biasa.

Ketika di rumah mak, susuk tubuhku sangat kurus tetapi agak tinggi bagi budak darjah satu. Aku kelihatan cacat apabila rambutku dipotong pendek oleh mak, menampakkan

leherku yang terlalu ‘panjang’ seperti seekor ayam togel. Di rumah mak, tiada sesiapa yang dapat melayani aku menyisir rambut pagi-pagi ketika hendak ke sekolah. Kalau di rumah nenek dulu, rambutku yang panjang itu sentiasa disisir rapi oleh nenek, ditocang dua atau diikat ekor kuda (*pony-tail*). Nenek selalu mengikatkan reben comel-comel. Tetapi rambutku itu akhirnya terpaksa dikorbankan kerana mak tak kuasa melayani kehendakku. Aku sering menangis apabila tiba waktu bersekolah kerana aku mahu rambutku ditocang, tapi rambut itu bahkan ditarik-tarik oleh mak sebab mak geram dengan perangaiku. Ayam Togel... gelaran itu kuingat hingga kini – hanya gara-gara leherku yang kurus panjang itu.

Juga kerana terlalu kurus, jari jemariku kelihatan sangat kurus dan kecil. Setiap kali apabila bapak menghantarku ke rumah nenek dengan motosikalnya, setiap kali itu jugalah selipar yang kupakai tercampak entah ke mana. Dan setiap kali itulah juga nenek terpaksa membelikan aku selipar yang baru. Lama-kelamaan apabila nenek sudah mulai bising, dia menyuruh aku mengikat selipar kuat-kuat pada kaki, jangan sampai tercabut lagi.

Bukan saja aku seorang budak perempuan yang kurus dan hodoh, malah aku juga seorang yang malas belajar. Sememangnya aku seorang pelajar yang tidak begitu pandai berbanding kakakku, Atie. Kalau Kak Atie selalu mendapat tempat terbaik di sekolah, aku pula antara yang tercorot.

Tetapi mujur juga aku tidak jadi buta huruf seperti nenek. Namun lambat juga aku pandai membaca. Ketika darjah dua, barulah aku boleh membaca dengan lancar. Namun, aku memang sangat gagap dan cuba untuk tidak bercakap dengan orang yang tidak aku kenali. Namun, waktu persekolahan adalah antara memori-memori terindah dalam hidupku. Walaupun hidup dalam keluarga miskin, aku menikmati alam persekolahan dengan kawan-kawan sekolah yang tinggal dalam kejiiran yang sama.

Sewaktu awal persekolahan, sahabat baikku bernama Sarah. Sarah juga anak orang miskin. Ayahnya sakit, ibunya yang mencari rezeki untuk anak-anak. Kami pergi ke sekolah bersama-sama. Ketika itu kami pergi ke sekolah subuh-subuh lagi. Langit masih gelap, cuma dihiasi bintang-bintang. Embun pagi mulai menitik setiap kali kami berjalan kaki ke perhentian bas yang berdekatan dengan Balai Polis Sungei Way, lebih kurang 1 kilometer dari rumah.

Untuk sampai ke perhentian bas, kami melalui pasar basah Sungei Way. Ketika itu, peniaga-peniaga pasar sedang sibuk memunggang barang-barang jualan. Yang menjual buah-buahan dan sayur-sayuran mula mengatur beraneka barangan jualan mereka di kaki lima. Dalam keadaan pagi yang masih kelam, kami dapat melihat buah-buahan segar seperti rambutan, jambu batu, jambu air, ciku, mempelam dan lain-lain disusun cantik. Pagi-pagi sudah terliur... aduhai,

sedapnya kalau dapat makan. Tetapi, duit yang mak beri cukup-cukup untuk buat tambang bas pergi dan balik sekolah.

Makan di sekolah, kadang-kadang mak bekalkan jemput-jemput, lempeng ataupun roti. Tidak ada peluang untuk membeli makanan di kantin sebab wang tak pernah kecukupan. Kerana itu, Sarah dan aku selalu berazam untuk mencari wang kami sendiri.

Awal pagi apabila bas Sri Jaya No. 33 tiba, kami menaiki bas dalam keadaan menggigil kerana kedinginan pagi menggigit tulang. Apabila sampai ke sekolah, embun masih lagi menitik dan kami suka bercakap atau ketawa kuat-kuat kerana suka melihat hawa sejuk keluar dari mulut kami. Apabila matahari mulai naik, maka kami yang sudah sampai awal akan berlari-lari di padang sekolah, mengutip bunga-bunga liar yang berwarna kuning. Kadang-kadang dapat secekek seorang. Memang cantik padang sekolah kerana banyak bunga liar itu tumbuh di hujung-hujung padang. Selain itu, kami merayau di tepi pagar kerana di situ ada pokok 'letup-letup' yang menjalar. Bunganya berwarna ungu, dan pokok itu mengeluarkan 'buah' kecil-kecil yang isinya boleh dimakan. Kami letupkannya dulu dengan tangan dan nampaklah isi buah itu seperti biji-biji markisa yang kecil, tetapi rasanya masam-masam manis. Ada juga pokok senduduk yang sering kami ambil buahnya yang berwarna biru kundang. Apabila dimakan, habis gigi pun berwarna

kebiru-biruan. Tetapi itulah yang sering membuatkan kami bahagia.

Aku bersekolah di sebuah sekolah tersohor di Petaling Jaya, iaitu Sekolah Rendah Sri Petaling, Jalan Semangat, Petaling Jaya – sebuah sekolah terpilih (*Smart School*) yang mana semua pelajar cemerlang dari sekitar Petaling Jaya dipilih untuk dipupuk menjadi pelajar induk (*pioneer*). Oleh kerana Kak Atie adalah pelajar cemerlang (kebanggaan keluargaku), maka dia terpilih menjadi pelajar induk dengan *uniform* berwarna merah jambu ala-ala kelasi kapal. Pelajar-pelajar di sini dibimbing oleh guru-guru yang terbaik, keadaan sekolah yang sangat selesa dan corak pembelajaran yang aktif. Bertuahnya aku menjadi adik Kak Atie, walaupun sangat bodoh, tetapi semua adik pelajar *pioneer* diberikan peluang untuk belajar di sini. Sarah juga mempunyai kakak yang cantik dan pandai bernama Rozie. Kami saja adik-adik yang kurang cerdas dalam pelajaran tetapi sangat pandai mencari wang.

Mencari wang? Di sekolah?

Bunyinya pelik tetapi itulah juga yang kami lakukan. Setiap hari pada waktu rehat, aku dan Sarah akan berjalan di atas padang sekolah mencari duit-duit syiling yang tercicir. Kadang-kadang terjumpa 20 sen, kadang-kadang sampai seringgit syiling-syiling yang kami temui. Pernah juga penat mencari tetapi lima sen pun tidak kami jumpai. Jika terjumpa

duit syiling yang berkarat, kami gesekkan dengan tumit kasut ke atas pasir, sehingga syiling lama itu berkilat semula. Itu kami lakukan demi semangkuk mee yang kelihatannya sangat menyelerakan di kantin sekolah. Bagi orang miskin seperti kami, apa yang dihidangkan di kantin memang sesuatu yang jarang dapat kami rasa. Kadang-kadang hanya duduk di tepi bangku memerhati kawan-kawan yang lebih berada makan, sambil kami menelan air liur sahaja. Ada kalanya aku dan Sarah nekad membeli juga makanan di kantin dengan duit yang dikhaskan untuk bayar tambang balik. Akhirnya, kami pulang ke rumah berjalan kaki. Bukan dekat jarak antara Sungei Way dengan sekolah, lebih kurang 5 kilometer. Tapi demi tekak dan perut, kami nekad juga membelinya.

Oleh kerana rata-rata pelajar sekolah Sri Petaling adalah pelajar yang agak berada, kebanyakan pelajar memandang rendah kepadaku. Maklum saja, jika orang lain membawa beg sekolah yang mahal, aku cuma mampu mengisi semua buku sekolah dengan beg kain yang dijahit oleh nenekku sendiri (Nenek Nah, nenek sebelah bapak). Baju dan kasut memang sukar nak berganti. Ini kerana mak akan kitar semula pakaian Kak Atie untuk dipakai olehku. Pakaian sekolah aku pula nanti akan diberikan kepada adikku, Cham. Mujur saja Cham memang bersaiz kecil. Baju yang dipakainya semenjak darjah satu, muat hingga ke darjah enam. Dengan baju lusuh dan kasut Foong Keong paling murah, penampilan ketika ke sekolah sudah tentu membayangkan dari mana asal

keturunan kami – orang miskin! Tapi aku tetap bangga kerana aku mempunyai kakak yang sangat pandai dan menjadi pengawas sekolah dari mula hingga akhir darjah 6. Aku yang bodoh ini, bukan saja malas sekolah malah selalu bergaduh dengan budak-budak lelaki, terutamanya budak-budak Cina yang kurang ajar.

Ketika kecil, tiada sesiapa yang dapat membantuku mengatasi masalah di sekolah melainkan diriku sendiri. Hidup berdikari tanpa pertolongan mak atau bapak... jika hendak mengadu pun tak ada gunanya. Nanti kena besit lagi, mungkin. Yang kuat selalu menang, yang lemah selalu kalah... kerana itulah aku memilih untuk menang, walaupun terpaksa berkejar-kejaran dan bergusti di atas tanah dengan budak-budak lelaki. Perangai *tomboyku* ini menjadi satu aset bagiku dan bagi sekolah. Ini kerana aku akhirnya lebih banyak menghabiskan waktu di atas padang daripada di dalam kelas. Aku terpilih menjadi pelari untuk mewakili sekolah dalam acara lari 100 meter dan 4 x 100 meter berhalangan dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Kuala Lumpur Selatan.

Perasaan menjadi wakil sekolah sukar untuk dibayangkan dengan kata-kata... Apa yang penting, aku rasa bertuah kerana tidak terperuk di satu sekolah sahaja, sebaliknya dapat bertanding dan terus bertanding di beberapa sekolah sehingga peringkat akhir di Victoria

Institution. Harga diri menjadi lebih tinggi, pengalaman bertambah dan aku rasa telah mengatasi kawan-kawan yang lain dari bidang sukan. Berlari dan berjalan adalah sebahagian daripada aktiviti harian bagiku. Dan aku sering memilih untuk berjalan kaki balik dari sekolah apabila duit tambang telah aku salahgunakan membeli makanan di kantin ataupun kadang-kadang berjalan untuk suka-suka kerana malas berebut-rebut dengan budak-budak lelaki mencari tempat duduk di dalam bas.

Ya... dengan Sarahlah aku sering balik ke rumah berjalan kaki. Kami menghadapi pelbagai pengalaman pahit dan manis. Kerana jarak yang jauh, matahari pula terik di atas kepala, kadang-kadang rasa haus macam nak mati. Maka ada waktu kami singgah di rumah-rumah orang untuk minum air paip. Dalam perjalanan dari sekolah ke rumah kami menyusuri kawasan perumahan, kawasan kilang, tanah perkuburan, naik bukit, turun bukit, melalui kebun sayur dan kandang babi di Sungei Way. Tapi di situlah kami belajar tentang hidup dan kehidupan. Belajar bahawa anjing dibela untuk menghalau budak-budak nakal yang sedang haus dan mencuri-curi membuka paip air. Kami belajar bahawa tiada hantu di kuburan, kawasan kilang tidak boleh dimasuki, dan apabila penat naik bukit, kita mesti pegang kepala lutut dan tarik nafas, kami melihat orang Cina berkebun sayur dan hairan mengapa orang Melayu berkebun lalang, kami fahami bahawa bau babi sangat busuk dan amat seronok membaling

anak babi dengan kayu! Walaupun sekolah selesai jam 12.30 tengah hari, kami tiba di rumah lebih kurang jam 3.30 petang. Bukan kerana jaraknya yang jauh, tetapi kerana setiap hari kami mempunyai aktiviti yang baru seperti memanjat pokok ceri ataupun duduk berkelah di tepi longkang kerana kepenatan. Natijah daripada perjalanan sejauh 5 kilometer itu, aku dan Sarah jadi hitam legam, terbakar dek panas matahari.

Apabila musim hujan pula, perjalanan jadi lebih menyulitkan. Dalam hujan yang mencurah-curah turun, tubuh kerdil kami kesejukan. Adakalanya aku sengaja kencing dalam seluar untuk merasakan sedikit kehangatan! Adakalanya kami singgah di kilang gula-gula Hudson di Seksyen 51A kerana di situ ada kolam air panas untuk kami celupkan kaki yang sudah kecut. Pernah kami tumpang lori kecil yang kasihankan kami berdua berjalan kaki di kaki lima jalan besar.

Selepas hujan pula, lopak-lopak di tepi jalan dan longkang-longkang dipenuhi dengan berudu. Memang seronok bermain dengan berudu. Rupanya sama seperti anak-anak ikan, tetapi kepalanya lebih besar daripada ekornya. Ada yang berwarna hitam, ada yang kelabu dan ada juga yang sangat cerah. Berudu-berudu itu kami ambil di tapak tangan untuk dikaji anatominya – dengan erti kata lain, kami membuat *post-mortem* hingga terburai perut-perut

berudu. Berudu yang sudah tumbuh kaki, biasanya tidak kami usik kerana tak lama lagi ia akan menjadi anak katak yang comel. Jadi, biasanya aku dan Sarah akan ghalib bermain berudu hingga terlupa bahawa masa sedang berjalan dan kami sebenarnya harus pulang ke rumah masing-masing.

Mak tak pernah risau kalau aku pulang lambat. Dia ada banyak kerja di rumah untuk dibuat daripada memikirkan keselamatan diriku. Mungkin mak hanya berdoa agar aku selamat sampai, mana tahu. Hujan, panas atau ribut, aku tetap akan sampai ke rumah walaupun adakalanya sudah hampir jam 4.00 petang! Yang pastinya pulang saja dari sekolah, perutku yang berkeroncong itu mesti diisi dengan makanan. Oleh kerana aku pulang lewat, biasanya hanya sedikit saja lauk yang masih ada. Mak kata, itulah rezeki orang yang lambat.

Selepas makan, aku mandi dan pergi mengaji di madrasah. Ustazah yang mengajar kami mengaji memang garang. Kadang-kadang aku pun hairan, kami mengaji dalam kumpulan 10 hingga 15 orang, macam mana dia dapat 'menghidu' bahawa aku salah baca. Rotan di tangannya hinggap di pahaku apabila aku silap. Padahal, mata ustazah juga terpejam, kerana letih. Dalam dia melayani matanya yang mengantuk, aku tetap kena rotan kerana silap bacaan.

Aku memang menghormati dan mengagumi kepakaran ustazah itu...

Pulang saja dari madrasah, masa untuk cari duit lagi. Sarah selalu mengajak aku membantu Tok Siak membersihkan masjid yang jaraknya lebih kurang 1 kilometer dari madrasah tempat kami mengaji. Biasanya aku ditugaskan menyapu daun-daun gugur di kawasan masjid. Sarah pula mencuci tandas atau menyapu ruang dalam masjid kerana upahnya lebih daripada apa yang aku dapat. Dengan upah dua puluh sen itulah aku dan Sarah dengan gembiranya pergi membeli belon cair untuk kami tiup dengan *straw* dan kami lambung-lambungkan belon itu hingga terbang dibawa angin. Itulah erti kebahagiaan bagi anak kecil seperti kami berdua. Sudah penat meniup belon, barulah kami pulang ke rumah masing-masing.

Oleh sebab aku dan Sarah asyik hilang saja dari rumah, Nenek Nah (ibu kepada bapakku) akan bertanya: “Aya belum balik kerja lagikah? Dah petang ni.” Nenek Nah tahu bahawa aku tak akan lekat di rumah, sehingga lewat petang. Namun di rumah mak itulah aku mendapat kebebasan dan belajar banyak perkara.

Selain membersihkan masjid, aku dan Sarah juga selalu pergi ke Panggung Kwong Wah – satu-satunya panggung wayang yang ada di Sungei Way. Bukan kami ke sana untuk

menonton wayang, tapi apa yang kami buat adalah memasuki panggung ketika orang berpusu-pusu keluar. Ketika itulah kami dapat masuk ke dalam panggung dan mencari lagi wang yang tercicir atau apa-apa saja barang yang tercicir di situ! Apabila aku fikirkan semula... ya Allah, dahsyatnya aktiviti aku ketika itu.

Jika Sarah tak dapat bersamaku (kadang-kadang Sarah terpaksa menjaga adik-adiknya di rumah apabila ibunya membawa bapanya yang sakit ke hospital), seorang lagi teman sepermainanku adalah Zul, jiran sebelah rumah. Zul adalah seorang budak lelaki yang lemah lembut, pendiam dan baik. Kedua-dua ibu bapanya keluar bekerja, jadi Zul kesunyian di rumah. Biasanya aku dan Zul akan mencari belalang di padang depan rumah. Belalang yang kami tangkap itu, kami masukkan ke dalam tin bekas tembakau. Tahu-tahu semua belalang yang kami tangkap sudah mati kering kerana lemas dalam tin yang panas itu. Kadang-kadang kami main api. Cari saja minyak tanah sedikit dan mancis, kami akan bakar apa saja di belakang rumah. Bakar kayu, bakar plastik, bakar daun, bakar tin, malah pokok-pokok pun kami bakar. Tapi apabila api sudah marak, mak mula menjerit dan aku tahu pasti aku kena hambat. Jadi kami pun lari hingga ke anak sungai untuk bermain di sana pula.

Daripada membakar, kami lakukan aktiviti lain pula. Apabila kami berdiri di atas jambatan, kami membuang pelbagai benda ke dalam sungai. Buang kertas, buang batu, buang apa saja yang kami jumpai. Kami cuma mahu lihat, apakah barang yang tidak dapat dibawa lari oleh arus air. Itulah keseronokan, itulah kebahagiaan.

Apabila musim tengkujuh tiba, hendak bermain di luar rumah pun sukar. Kadang-kadang pada musim hujan itulah kami bermandi hujan hingga kecut-kecut jari jemari. Mula-mula mandi hujan memanglah demam, lama kelamaan sistem pertahanan badan pun bertambah kuat, lencun dalam hujan berjam-jam pun tidak jadi apa... Cuma silap haribulan, kalau angin mak tak baik, memang kena rotan.

Waktu hujan mencurah-curah di luar rumah, kami adik beradik biasanya cepat lapar. Nenek Nah selalu membuat ubi getok – ubi direbus hingga empuk, kemudian dihempuk hingga hancur bersama sedikit gula. Memakan ubi getok dengan air teh panas memang sedap. Sambil makan ubi, kami adik beradik bermain dam ular. Kadang-kadang kami bermain batu seremban ataupun bermain ‘air pasang-pagi’. Kami lagukan “Air Pasang Pagi” sambil tangan saling bertepuk silang. Permainan dulu-dulu tidak memerlukan wang, tetapi kegembiraannya tetap sama.

Bermain adalah salah satu kegemaranku selain daripada duduk berangan-angan. Aku tidak pernah minat untuk belajar. Berbeza dengan Kak Atie. Sebab itu bapak selalu cakap aku bodoh, aku gila, habis tingkatan tiga sudah boleh duduk rumah tolong mak. Oleh kerana bapak selalu cakap-cakap begitu, aku jadi malu. Aku mahu buktikan kepada bapak, aku bukan budak bodoh, aku boleh jadi lebih bagus daripada kakakku. Namun, setiap dua tahun sekali mak melahirkan anak-anak baru, hingga genap sepuluh orang adik beradikku, maka tugasku di rumah pun menjadi semakin banyak. Waktu bermain sudah semakin terhad. Ketika aku sudah semakin matang, ketika berada di dalam darjah 5, tanggungjawab untuk menjaga adik-adik sudah beralih kepadaku.

Aku mulai tahu erti kekeluargaan... seorang kakak harus selalu melindungi adik-adiknya, seorang kakak harus menyayangi adik-adiknya walaupun mereka selalu menyakitkan hati dan merampas haknya. Sebagai adik pula, aku belajar menjadi adik yang terpaksa mengalah apabila Kak Atie mahu belajar dan aku mengambil alih tugas-tugasnya. Aku juga belajar berdiam jika tidak mahu dipukul oleh abang. Aku mulai mengerti bahawa betapa betul pun aku, jika mak kata aku salah, maka salahlah aku... melawan bererti mencari bala. Rotan sudah hancur kerana asyik dibesit ke badanku, dan rotan pun kalau boleh berkata-kata, pasti ia memohon kepada mak agar jangan memukulku lagi.

Daripada anak kecil yang asyik bermain, aku mulai menjadi sedikit dewasa sebaik sahaja usiaku 12 tahun. Ketika itu, aku meluahkan segala yang terbungkam di hati dan perasaan melalui tulisan. Aku mula menulis diari ketika aku berusia 12 tahun. Diari itulah yang menyimpan segala kisah suka duka duduk di rumah emak. Ketika usia 12 tahun, aku sudah ingin menjadi gadis dewasa. Apabila aku pulang ke rumah nenek di Kampung Pasir pada setiap hujung minggu atau waktu cuti sekolah, aku sudah mulai merasakan bahawa menjadi remaja itu lebih menarik daripada menjadi kanak-kanak. Nenek mengajar banyak perkara tentang remaja... Kata nenek, seorang perempuan mesti pakai cantik-cantik, kemas-kemas, jangan comot-comot, nanti tak ada orang yang nak kahwin dengan kita. Kerana itu juga aku tak berani nak pakai baju yang tak bergosok apabila balik ke rumah nenek.

Apabila nenek mengajakku ke Kuala Lumpur, menemaninya membeli barang-barang jualan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India dan Wisma Yakin, aku akan mengenakan baju paling cantik yang aku ada. Aku mencontohi nenek yang sentiasa kemas apabila berpakaian. Nenek tak pernah mengenakan baju kurung kerana bagi nenek, baju kurung itu 'serba-serbeh'. Nenek akan mengenakan kebaya pendek dengan kain batik wiron. Di dadanya tersemat kerongsang intan yang cantik. Rambutnya disanggul rapi dan nenek akan membawa beg tangan yang

cantik. Dia memakai sandal yang selesa tapi cantik. Neneklah idola fesyenku ketika itu, kerana selain daripada bintang-bintang filem zaman dahulu, bagiku nenek adalah wanita yang tercantik di mataku.

Aku tidak sabar-sabar lagi untuk menjadi gadis remaja...
Aduhai... tentu lebih bahagia.

CERITA 3

ZAMAN GADIS

1976 - 1980

SERONOK menjadi gadis sunti. Paling 'seronok' apabila ada banyak jerawat tumbuh di muka. Setiap hari jerawat itu pasti kupicit, kalau tidak dipicit hingga bengkak seperti aku mensia-siakan kelebihan mempunyai jerawat. Lama kelamaan, wajahku berbopeng-bopeng dengan bekas jerawat. Tetapi itu adalah salah satu daripada kemestian menjadi remaja. Menjadi remaja juga membolehkan aku mencuri gincu mak dan kuoles secara curi-curi. Hmm.. dengan bibirku yang tebal, memakai gincu seolah-olah menambah ketebalan bibirku... tapi, memang seronok... setiap remaja ingin kelihatan cantik. Cantik di mataku, tidak sama definisi cantik bagi orang lain, mungkin. Selain daripada itu, mak pun sudah tidak membesitku lagi, walaupun adakalanya perangaiku masih menyakitkan hatinya. Bukan kerana emak tak mahu merotan dan membesitku, tapi mungkin kerana mak sudah penat kerana setiap dua tahun mak melahirkan anak. Apabila anak ramai, tekak mak pun dah naik sakit asyik menjerit-jerit marahkan kami. Jadi tugas-tugas mak menjerit sudah diambil alih oleh aku dan Kak Atie pula. Kami sudah menjadi pengganti mak. Kamilah yang membantu mak mencuci pinggan, mengemas rumah,

mencuci bilik air, menyidai baju, menggiling cili dan bermacam-macam lagi. Jadi mak pun berfikir-fikir jika hendak memukul aku...

Tugas menggiling cili telah menjadi tugas tetapku. Setiap hari mak pastikan aku menggiling cili sebanyak empat tahil (dulu sukatan kati dan tahil). Oleh kerana setiap hari menggiling cili, hayunan tangan ke dada itu membuatkan buah dada pun turut menjadi besar!!! Hari-hari bersenam tanpa henti. Tetapi rupa-rupanya, itulah aset wanita paling berharga. Terima kasih mak, kerana memaksa aku menggiling cili hingga aku mendapat aset paling berharga...

Arwah bapak pula seorang lelaki yang sangat-sangat pembersih. Malah *standard* kebersihannya dapat menyamai *standard* Nenek Piah di Kampung Pasir. Jika nenek memberus semua longkang hingga tidak hidup sebarang lumut, bapak pun apa kurangnya. Setiap kali hujan turun, kami adik beradik diwajibkan memberus longkang dengan berus dawai. Walaupun adik beradik ramai, tapi rumah tidak boleh kotor dan bersepah. Apabila bapak balik kerja dan lihat rumah bersepah, dia mungkin bertukar jadi harimau jadian. Bapak malah menyiram air di jalan tar hadapan rumah kami supaya habuk tidak masuk ke rumah. Walaupun hanya ada sebuah bilik air dan sebuah tandas duduk untuk mak (mak wanita yang sangat istimewa bagi bapak, semua kehendaknya dituruti), tetapi tandas tak pernah diizinkan berbau hancing.

Ada yang mati dikerjakan kalau keluar tandas dan didapati tandas kotor. Begitulah bapak mendidik kami tentang kebersihan.

Waktu remaja, aku paling suka membawa adik berjalan-jalan keliling kampung dengan kereta sorong (*pram*). Oleh kerana anak-anak mak ketika itu sudah sembilan orang, maka ketika rumah kecil kami harus dibersihkan oleh Kak Atie dan emak, akulah yang wajib membawa keluar adik-adik, sehingga semua tugas mereka di rumah selesai. Jadi adik-adik akan ku'susun' baik-baik kedudukan mereka sebelum aku menolak kereta sorong. Adik paling kecil akan masuk ke dalam kereta sorong, manakala adik yang besar sedikit aku dudukkannya di bahagian depan. Malah seorang lagi boleh berdiri di atas besi penghadang di belakang. Dan ketika aku berusia 13 tahun itu, aku selalu membawa adikku, Ahmad Effendi (Amat) yang baru berusia setahun berjalan-jalan keliling kawasan perumahan itu. Ruby ketika itu berusia 3 tahun, akan duduk di depan Amat dan Suzy 5 tahun akan berdiri di atas palang. Ketika aku berjalan-jalan dengan adik-adik kecilku itu, ramailah orang bujang yang akan bersiul untuk menegur dan menguratku... kebiasaannya aku akan sengaja membawa kereta sorong adik-adikku ke dewan tempat Belia 4B berlatih menari, menyanyi dan berdrama. Ketika itu kebanyakan orang bujang dan gadis-gadis remaja menjadi ahli Belia 4B. Walaupun aku sebenarnya masih terlalu 'sunti' tetapi abang-abang Belia 4B sudah ramai yang

meminati aku. Mungkin ketika itu walaupun berjerawat dua tiga ketul, tetapi wajahku sudah dipandang manis dan aset di dadaku sudah menonjol sedikit.

Zaman persekolahan juga membentuk banyak perangai yang kubawa hingga ke hari ini. Memang lebih seronok bersekolah menengah. Lebih-lebih lagi aku dimasukkan di sekolah perempuan. Tiada lagi percampuran lelaki dan perempuan seperti sekolah rendah dulu... maka tiada lagi kes-kes bergaduh dan bergusti di sekolah. Malah sahabatku juga sudah berganti. Sarah tidak dapat memasuki sekolah menengah yang sama denganku. Selepas bapanya meninggal dunia, Sarah mempunyai banyak tanggungjawab menjaga adik-adiknya. Apa yang kutahu, Sarah berkahwin ketika dia berumur 15 tahun dan berakhirnya persahabatanku dengan Sarah, walhal dialah temanku paling rapat semasa aku bersekolah rendah.

Di Sekolah Menengah Perempuan Sri Aman, Seksyen 14/47, Petaling Jaya, teman-temanku masih juga terdiri daripada jiran-jiranku di Sungei Way seperti Rosnah Shawal (Rosnah), Noorida Mahmud (Ida) dan Fairus (Che Wa). Itulah tidak orang rakan 'sekampung' yang paling rapat. Selain itu, aku juga rapat dengan Norzilawati (Norzie) dari Sungai Pencala dan paling rapat dengan Faudzliffah Syed Mohamad, dari Paramount Garden, Petaling Jaya.

Faudzliffah mempunyai rupa yang agak unik – anak ‘mat saleh’ yang comot-comot tetapi baik. Bapa Faudziffah berketurunan Arab, manakala ibunya berdarah campuran orang putih. Berbeza daripada teman-teman sekampungku seperti Rosnah, Ida dan Che Wa yang taraf hidup mereka tidak jauh bezanya dengan keluargaku, Faudzliffah adalah anak orang berada. Pertama kali dia mengajakku datang ke rumahnya, aku menjadi sangat kagum. Rumah Faudzliffah tidak jauh dari sekolah. Kami hanya perlu menyusuri kawasan tasik, kemudian di belakang tasik, ada satu lagi kawasan perumahan mewah Paramount Garden. Rumah Faudzliffah adalah sebuah banglo... tak kuingat ada berapa bilik tidur, tetapi pertama kali aku masuk ke rumah itu, aku menjadi begitu kagum dan itu jugalah permulaan aku berangan-angan mahu menjadi orang kaya.

Segala yang ada di rumah Faudzliffah adalah barang-barang yang termahal. Karpetnya daripada bulu kambing, peti televisyennya canggih, sofanya paling empuk, malah ada sebuah *courtyard* di tengah-tengah rumah yang ditanam dengan pokok-pokok bunga yang cantik dan diperindahkan lagi dengan kolam ikan. Apa yang kualami pada tahun 1976 itu adalah suatu ‘kemewahan para-normal’ bagiku. Ketika itu bapa Faudzliffah adalah seorang Pengurus Besar, jadi tidak menghairankan bahawa kehidupannya sangat jauh berbeza daripada kehidupanku yang sangat daif ini. Makanan yang disediakan oleh ibunya juga sangat jauh berbeza daripada

makanan di rumah kami. Aku tak pernah melihat dan merasa apa yang dihidangkan untukku di meja makan. Rasa janggal pula hendak menjamah makanan yang kelihatan cantik dan sedap. Namun, ibunya sangat baik denganku... malah apa saja bekalan yang dibawa oleh Faudzliffah di sekolah, akan disediakan lebih oleh ibunya supaya kami dapat makan bersama-sama. Hal ini sekali gus mengubah pandanganku terhadap orang-orang kaya. Sebelum ini, aku menyangka setiap orang kaya itu sombong dan membenci orang miskin... tetapi rupa-rupanya baik dan buruk manusia itu bukan terletak kepada kekayaannya... semuanya bergantung kepada hati.

Sememangnya sekolah menengahku ini berada di kawasan perumahan mewah di Petaling Jaya.

Aku suka menyusuri kawasan ini ketika pulang dari sekolah dan melihat betapa cantik dan gahnya rumah-rumah banglo. Ada banglo yang lengkap dengan landskap ala Jepun, ada yang mempunyai kolam air terjun, malah ada yang memiliki tempat letak kereta yang mana lima buah kereta mewah pun boleh diparkir di dalam kawasan rumah. Aku sering bertekad untuk keluar daripada kemiskinan dan menjadi orang yang lebih dipandang tinggi.

Ketika di sekolah menengah, akulah di antara gadis-gadis nakal yang selalu didenda. Didenda kerana tidak

menyiapkan kerja-kerja sekolah, didenda kerana membuat bising di dalam kelas, didenda kerana lewat sampai ke sekolah dan memanjat pagar sekolah untuk masuk. Aduhai.... begitulah aku, meskipun hampir setiap hari didenda mencabut duri di padang sekolah, namun sedikit pun segalanya itu tidak mengurangkan kenakalanku di sekolah. Masuk saja usiaku 13 tahun, aku rupa-rupanya telah meletakkan diriku menjadi antara gadis ternakal di Sekolah Menengah Perempuan Sri Aman.

Suasana sekitar tahun 1970-an bagiku amat indah. Indah kerana semenjak usia 13 tahun, aku telah berupaya mencari sedikit pengalaman yang menyeronokkan sebagai gadis sunti. Ketika usia 13 tahun, aku memang gemar menyanyi. Apatah lagi ketika itu lagu-lagu yang berkumandang di radio memang banyak yang 'bagus-bagus'. Lagu-lagu pada tahun 1970-an seperti lagu-lagu Rafeah Buang adalah di antara lagu kegemaranku. Aku menyanyi setiap hari. Mencuci pinggan sambil menyanyi, mencuci longkang pun menyanyi, menjemur baju, malah menyapu rumah pun menyanyikan lagu Rafeah Buang. Kerana tabiat terlalu suka menyanyi ini, jiran-jiran menggelarkan aku 'Rafeah Buang Sungei Way'. Walaupun ketika itu sudah muncul penyanyi-penyanyi baru seperti Sharifah Aini, Salamiah Hassan dan lain-lain lagi, namun bagiku lagu-lagu Rafeah Buang adalah yang paling merdu dan paling sesuai dengan suaraku. Seingat-ingatku, dengan menyanyilah

gagapku hilang. Sungguh menakjubkan, oleh kerana itu aku terus menyanyi setiap hari di mana-mana, tak kira waktu dan masa. Itulah aku!

Ketika usiaku 14 tahun, walaupun masih bersekolah dan selalu ponteng sekolah, aku sudah sering mendapat undangan menyanyi apabila ada majlis-majlis perkahwinan. Biasanya aku mengikut kugiran Belia 4B yang diuruskan oleh seorang belia yang sangat 'skema' dengan rambut Afro separuh tak jadi, yang kupanggil namanya Lan Tiga Segi. Tiga segi itu merujuk kepada rambut Afronya... Afronya kelihatan seperti bentuk segi tiga, kerana tak pernah menjadi bulat! Setiap kali menyanyi, aku dibayar agak lumayan juga, lebih kurang RM50.00. Bagi budak sekolah seperti aku, memanglah seronok dapat duit sebanyak itu. Yang pastinya setiap kali aku menyanyi, kemahiranku menjadi semakin sempurna dan aku menjadi semakin popular di Sungei Way.

Kalau tidak menyanyi, untuk mencari duit lebih, aku tidak lagi melakukan aktiviti tak senonoh seperti mencari duit di atas padang atau curi-curi masuk panggung wayang lagi. Sebaliknya, untuk mencari duit lebih, aku bersama Kak Atie dan adik-adik akan menjual botol-botol kaca, seperti botol kicap, botol minuman bergas, tin biskut dan surat khabar lama. Jadi setiap kali berjalan, kalau bertemu botol kaca saja, itu sudah seperti bertemu harta karun. Apabila sudah banyak yang terkumpul, kami akan menjualnya kepada orang

India yang datang membeli barang-barang kitar semula daripada kami.

Ketika usiaku sudah menjangkau 16 tahun, sememangnya rezekiku berlebih sedikit daripada biasa. Aku sering dapat peluang menyanyi di RTM, kadang-kadang memasuki Kuiz Agama, dan berlakon drama radio. RTM adalah suatu tempat yang tidak lagi asing bagiku meskipun aku bukan seorang artis. Tetapi di sana juga aku berpeluang meluaskan aktiviti penulisan – aku sudah mula menulis puisi dan kisah-kisah pendek yang akan dibacakan dalam beberapa rancangan. Hmm... lupa pula apa nama rancangan radio yang selalu membacakan kisah-kisah pendekku itu pada waktu-waktu malam dan hujung minggu.

Wang yang ada padaku itu biasanya kubuat belanja adik-adikku yang ramai. Maklum saja, bagi keluarga yang daif seperti kami, jarang-jarang sekali kami menikmati kemewahan, lebih-lebih lagi dalam bentuk makanan. Biasanya apabila dapat wang lebih, aku akan pulang membawa buah-buahan, roti atau apa sahaja yang dapat kubeli dengan wang tersebut. Hati jadi gembira apabila melihat adik-beradikku berebut-rebut menikmati sesuatu yang sukar dinikmati – meskipun hanya buah rambutan atau tembikai. Dengan gaji bapak yang kecil dan tanggungan yang banyak, kami hanya dipastikan dapat makan tiga kali sehari walaupun apa yang kami dapat itu adalah amat sederhana.

Kicap adalah sesuatu yang wajib ada di rumah. Apabila mak memasak, kuahnya mesti banyak, sambalnya mesti selalu lebih daripada isinya. Syukur alhamdulillah, sesusah mana pun, kami tak pernah lagi kebuluran.

Waktu remajaku, hanya orang yang mampu saja dapat membeli peti ais, peti televisyen dan mesin pengisar. Biasanya, bagi kami yang tidak mampu, untuk menonton televisyen, kami menumpang di rumah jiran. Apabila jiran tak kuasa nak melayan, maka tak dapatlah peluang menonton TV. Rumah yang ada peti ais adalah rumah orang kaya. Orang yang ada peti ais boleh buat Aiskrim Malaysia dan menjualnya dengan harga sepuluh sen. Mak membayar 20 sen untuk mengisar cili pada hari-hari tertentu seperti Hari Raya atau kenduri. Jika tidak, matilah aku menggiling cili tiga kilo... Pijar tapak tangan tentu seminggu tak hilang. Membandingkan diri dengan orang lain, membuatkan aku selalu mengeluh... bilalah bapak nak kaya... Kalau tidak kaya pun, sekurang-kurangnya senanglah sedikit... Dapatlah hendaknya rumah sempit ini dibesarkan, dan kami tidak jadi macam ikan sardin berhimpit-himpit di rumah.

Secara automatik, rumah yang sempit membuatkan fikiran dan jiwaku menjadi bercelaru. Jalan keluar pada ketika itu adalah untuk melepaskan diri daripada duduk di rumah. Memang apabila dapat keluar dari rumah, terasa dunia ini lapang. Apabila dapat menikmati sedikit hiburan,

maka terlupa sebentar pada tugas-tugas di rumah yang tak habis-habis. Terlupa sedikit pada bebelan mak yang ada kalanya sangat menjengkelkan hatiku. Sampaikan ayam pun berterbangan apabila mak marah atau membebelkan aku... Aduhai... peritnya...

MENULIS

Hiburan bagi kami yang miskin ini, pastilah sesuatu yang tidak menggunakan wang atau mungkin dengan kos yang sangat kecil. Tanpa hiburan, sudah lama aku jadi sewel duduk di rumah. Mujur pada zaman itu aku menghiburkan hati dengan beberapa cara. Apa yang paling aku suka lakukan ketika itu adalah menulis diari – mencurahkan segala rasa hati di dalamnya. Diariku hanyalah buku sekolah yang kuhias cantik-cantik... kutulis dan kusimpan setiap hari di bawah bantal tidurku. Itulah penemanku waktu suka dan duka. Apabila kecenderungan menulis mula berputik, aku mulai menulis surat kepada sahabat pena.

Ketika usiaku 13 tahun, aku sudah ada sahabat pena dari USA bernama Karen Pace. Ketika itu, untuk mendapat sahabat pena dari luar negara agak mudah kerana terdapat senarai sahabat pena yang diberikan di sekolah, ketika program pertukaran pelajar-pelajar. Kebiasaannya program pertukaran pelajar-pelajar ini diadakan setahun sekali. Kementerian Pelajaran (kalau tak silap) akan membawa

masuk pelajar-pelajar dari luar negara untuk dijadikan anak-anak angkat keluarga di Malaysia. Mereka disekolahkan di mana-mana sekolah rendah atau menengah. Melalui mereka juga ada kalanya kami di sekolah mendapat senarai ini.

Selepas Karen Pace dari Connecticut, USA itu... sahabat penaku yang kedua bernama Claus Abraham dari Jerman, manakala yang ketiga ialah Karen Marshall dari Kincardineshire, Scotland. Keempat, Haslinda Harahap Bakri dari Singapura (Haslinda kekal menjadi sahabat baikku sehingga kini), seterusnya Amin dari Christmas Island dan Moheyn Haji Mylynn dari Brunei.

Ketika zaman itu, paling murah berhubung dengan teman-teman luar negara menggunakan *Aerogramme*. Harganya cuma 30 sen sahaja, dan aku akan membeli sebanyak-banyak *Aerogram* ketika aku ada sedikit pendapatan hasil daripada menyanyi di khemah orang kahwin.

Sahabat-sahabat penaku yang berempat ini telah membuka mata dan mindaku. Melalui mereka juga aku mengasah kelancaran berbahasaku dalam Bahasa Inggeris. Melalui mereka, duniaku menjadi luas walaupun aku cuma tinggal di rumah kecil di tengah-tengah bandar satelit Petaling Jaya ini. Aku merasakan cerita yang dibawa oleh mereka di dalam setiap surat yang sentiasa kunanti-nantikan

itu seolah-olah membawaku terbang ke negara-negara tersebut. Seolah-olah aku dapat merasakan dinginnya musim salji, indahnya musim bunga dan pelbagai peristiwa yang dikongsikan itu semuanya memberikan kegembiraan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Mulai saat itu, aku menyimpan cita-cita untuk melihat dunia luar.

Ketika internet masih belum wujud dan *Facebook* masih belum dilahirkan, kami pada zaman itu masih juga dapat berhubung dengan dunia luar melalui jaringan yang dicipta oleh entah siapa. Sistem poskad menjadikan aku bukan saja 'kaya poskad', malah mempunyai ramai kenalan dari dalam dan luar negara. Sekeping poskad akan ditulis dengan nama sepuluh orang, beserta alamatnya. Apabila kita menerima poskad sebegini, kita harus menghantar sekeping poskad lain kepada nama yang paling atas, dan kemudian meletakkan nama kita di tempat paling bawah. Nama yang pertama itu secara automatik tersingkir apabila dia telah menerima poskad. Kita perlu menghantar sepuluh salinan surat kepada teman-teman kita yang belum lagi ada nama mereka tersenarai di situ. Dalam proses ini, lama-kelamaan giliran kita akan tiba... Aku takjub apabila tiba-tiba saja aku menerima lebih daripada 20 balasan poskad. Kita boleh memilih sama ada hendak berkenalan dengan nama-nama yang tertera di atas poskad itu ataupun memilih untuk menghantar hanya sekeping poskad kepada nombor yang pertama.

WAYANG PACAK

Ada kalanya di kawasan perumahan kami diadakan 'wayang pacak'. Pada waktu siang, pengumuman akan dibuat melalui van bergerak ke seluruh kawasan dengan pembesar suara. Biasanya wayang pacak ditaja oleh bateri *Eveready* (Miawww). Pengumuman itulah yang membuat semua penduduk kawasan kami di Sungei Way menjadi sangat teruja. Maklum saja, bukan senang nak tengok wayang *free*. Di Panggung Wayang Kwong Wah, harga tiket mahal. Ketika itu tiket wayang sudah RM1.50. Suatu nilai yang boleh buat beli tiga buku roti benggali. Wayang pacak akan dimainkan di padang yang berhadapan dengan Dewan Serbaguna Belia 4B yang tersohorlah ketika itu. Maka ketika layar putih mula hendak dipasang, ramai budak-budak kecil menjadi tidak keruan seperti monyet yang ternampak setandan pisang. Ha... ha.. ha... Ada yang duduk bertinggung, ada yang sama-sama menyibuk nak memanjat, ada yang cuma memerhati, dan ada yang cuba menjolok. Bermacam-macam perangai yang melucukan tetapi menyusahkan tukang pasang layar. Layar putih yang besar itu menjadi kekaguman semua orang, kerana tepat selepas Maghrib, pada layar itulah yang akan ditayangkan cerita-cerita P. Ramlee atau lain-lain cerita klasik. Tidak seperti di dalam panggung, yang mana hanya layar bahagian depan saja yang boleh ditonton, tetapi wayang pacak membolehkan cerita ditonton sama ada di

bahagian depan mahupun belakang. Sebab itu, tak kisah di mana saja penonton boleh duduk.

Ketika menonton wayang pacak, masing-masing akan membawa tikar mengkuang atau kertas surat khabar sebagai pelapik punggung. Di situ juga ramai yang membawa bekalan seperti kacang dan kuaci. Mana yang tak sempat makan nasi, boleh bawa pinggan nasi dan makan sambil menonton. Yang sedang bercinta, boleh duduk berhimpit-himpit dan cari peluang berpegangan tangan sebab suasana gelap. Hanya cahaya dari layar yang menerangi sebahagian kawasan, terutama di bahagian depan. Memang wayang pacak itu memberikan kebahagiaan kepada kami di zaman itu. Itulah juga antara hiburan percuma yang dinanti-nantikan oleh semua orang ketika itu.

FUN FAIR

Pekan Sungei Way akan menjadi tumpuan apabila ada *fun fair*. Tapak kosong berdekatan dengan Panggung Kwong Wah, yang tak jauh dari pasar dan balai polis menjadi pesta hebat yang dinanti-nantikan semua orang. Tak kira tua, muda, remaja, kanak-kanak... semuanya tiba-tiba menjadi ceria apabila ada poster sebesar gergasi ditayangkan di kawasan tapak tersebut. Ketika itu, percetakan digital belum wujud lagi... poster-poster untuk panggung wayang dan *fun fair* dilukis dengan tangan. Aku selalu kagum melihat lukisan poster yang seolah-olah hidup itu. Apabila pergi atau pulang

dari sekolah, aku pasti melalui kawasan tersebut dan hati mulai rasa gelisah kerana teringin untuk pergi.

Oleh kerana *fun fair* bermula jam 7.00 malam, kebiasaannya kami adik beradik memang tidak dibenarkan keluar rumah. Maklum saja, aku pun sudah anak dara sunti... mak dan bapak bimbang jika sesuatu yang tidak diingini terjadi padaku. Tetapi keinginan untuk pergi membuak-buak, kerana poster berwarna- warni itu seolah-olah memanggilku. *Fun fair* datang cuma dua atau tiga tahun sekali, bukan selalu. Bukan seperti wayang pacak yang kadang-kadang ada setiap tiga bulan.

Tiada sesiapa yang berani meminta izin daripada bapak. Pernah sekali kami cuba mengendeng, namun jawab bapak, “anak dara mentel* (mentel bermakna gatal) saja yang pergi *fun fair*. Sudah, duduk rumah tolong mak, banyak lagi kerja rumah ni yang nak dibuat.”

Walau segarang manapun bapak, aku dapat juga meloloskan diri untuk menjengah apakah yang ada di tapak *fun fair*. Ketika itu, untuk masuk ke tapak *fun fair* memang percuma. Tiket hanya dijual untuk melihat persembahan kugiran (kumpulan gitar rancak) dan artis-artis terkenal. Setiap permainan juga berbayar. Namun, bagiku yang tidak mempunyai wang, melihat kesibukan di *fun fair* sudah cukup memberikan suatu pengalaman yang indah. Walaupun hati

teringin hendak menaiki kereta api atau jet pejuang, tetapi angan-angan itu tinggal menjadi mimpi saja bagiku. Namun, aku tetap tersenyum dan berkongsi keseronokan orang lain yang sedang menjerit ketakutan – seronok ataupun sengaja mengada-ngada.

Anak-anak kecil akan bermain kuda pusing, budak-budak lelaki akan menaiki jet-jet pejuang, anak-anak dara tersenyum apabila diusik jejak-jejak tampan, lelaki remaja bermain senapang sasaran, anak-anak kecil berjalan sambil makan alusmitai (gula-gula menyerupai kapas, selalunya berwarna merah jambu) dan pelbagai gelagat manusia yang kulihat di *fun fair*. Memang seolah-olah kesemua keseronokan itu perlu dibeli dengan ringgit, namun sebenarnya aku telah membeli keseronokan hanya dengan keberanianku lari dari rumah dan mengambil risiko dipukul oleh bapak kerana pergi ke *fun fair* tanpa izinnya. Keseronokan menonton pelbagai gelagat manusia di *fun fair* memang tidak ternilai bagiku.

CERITA 4

AKU DAN KESEDIHAN

KETIKA usiaku menginjak 16 tahun, terdapat sedikit perubahan pada cara aku berfikir. Mungkin kerana tanggungjawab menjaga adik-adik semakin bertambah dan mak pula sudah mulai sakit-sakit selepas melahirkan adik bongsuku, Iskandar. Aku tidak lagi asyik memikirkan keseronokan diri. Namun diari tetap kutulis, dan penghiburku adalah surat-surat daripada sahabat pena luar negara dan juga lagu-lagu yang berkumandang di radio.

Semenjak mak melahirkan adik bongsuku Iskandar (yang kami panggil Is), mak sering keluar masuk hospital. Ketika itu, aku pun tak tahu mengapa. Apa yang kulihat dari zahirnya, mak seperti tak larat hendak berjalan dan membuat kerja-kerja rumah. Aku dan kak Atie yang terpaksa membantu mak membuat banyak kerja rumah. Bapak masih saja bekerja keras untuk membesarkan kami. Garangnya tak pernah surut. Aku dan bapak tak habis-habis berselisih pendapat. Mak tak pernah memenangkan aku. Tak siapa pun yang menyebelahi anak degil seperti aku ini... Dipukul

atau dimarah, tetap juga teguh berpegang pada pendirianku sendiri.

Pada suatu hari adik Is mulai sakit-sakit. Apabila menangis, tubuhnya menjadi biru... Mak selalu panik apabila adik Is sukar bernafas. Semua ibu sayangkan anaknya, tetapi aku tahu mak tak berupaya hendak berbuat apa-apa melainkan menunggu bapak balik dan membawa adik ke klinik. Di kejiranan kami (lebih kurang satu kilometer dari rumah kami) ada seorang doktor Melayu yang mempunyai klinik di Pekan Sungei Way. Setiap kali Is bermasalah, kami akan meminta bantuan doktor itu. Dia selalu ikhlas membantu. Katanya, adik Is menghidap sakit jantung berlubang dan perlu dibawa ke hospital. Namun ketika itu bapak tak mampu untuk membiayai pembedahan. Bapak berikhtiar untuk mengubati adik dengan pelbagai cara alternatif.

Petang itu adik Is tak henti-henti menangis. Dia kelihatan semakin sesak. Bapak belum lagi pulang dari kerja. Mak sudah panik dan menyuruh Cham dan Ana pergi ke rumah doktor dan memanggilnya untuk merawat adik di rumah. Kak Atie cuba menenangkan mak. Aku pun tidak ingat apakah yang kulakukan ketika itu – pastinya ada sesuatu, jika tidak, tak mungkin Sham dan Ana yang disuruh berbasikal ke rumah doktor.

Adik Is semakin sesak, namun Cham, Ana, dan doktor masih belum juga muncul-muncul. Hatiku mulai rasa tidak enak, lalu aku berlari untuk ke rumah doktor, bimbang kalau-kalau kedua-dua adikku itu bermasalah ketika hendak mengadu hal. Adikku Cham rupa-rupanya terlibat dalam kemalangan ketika dia berbasikal untuk memanggil doktor ke rumah. Orang ramai berpusu-pusu melihat keadaannya... mata dan telinganya berdarah. Ana sudah menangis teresak-esak kerana dia juga luka, namun tidak begitu teruk. Ketika itu hatiku berbaur... mana yang harus didahulukan. Pergi memanggil doktor kerana adik bongsuku sudah biru di rumah ataupun membawa pulang Cham dan Ana yang tercedera? Mujur ada di antara manusia yang lalu lalang di tempat kejadian itu prihatin untuk membawa Cham dan Ana ke klinik. Aku terus berlari ke rumah doktor dan meminta bantuannya untuk melihat keadaan adikku.

Malam itu, sukar untuk kulelapkan mata. Cham meringkuk kesakitan walaupun sudah mendapat rawatan di klinik. Mak dan bapak berada di hospital kerana keadaan adik Is agak teruk. Fikiranku berputar-putar memikirkan pelbagai perkara yang kutempuhi sepanjang hayat yang cuma 16 tahun itu. Aku mulai berasa benci menjadi orang miskin. Benci hidup dalam serba kekurangan. Benci kerana bapak tidak dapat membawa adikku yang sakit itu lebih awal untuk mendapat rawatan di hospital. Kemiskinanlah yang membuat aku menjadi budak nakal, kemiskinanlah yang membuat aku

terpaksa bekerja untuk mencari wang demi sedikit 'kesenangan'. Tiba-tiba aku benci melihat jiran sebelahku yang selalu memberi makanan yang sedap-sedap untuk anak-anaknya, sedangkan adik-adikku terkulat-kulat melihat mereka menikmati segala kelazatan itu dengan wajah dan lagak yang sombong.

Malam itu, aku melihat betapa daifnya kehidupan kami sekeluarga. Adik-adikku tidur bergelimpangan di atas tilam nipis. Ada yang tidur di bilik, ada di ruang tamu, ada di atas kerusi. Sedihnya melihat kedaifan ini. Aku terpandang-pandang betapa cantiknya rumah Faudzliffah. Setiap ahli keluarganya ada bilik sendiri. Segalanya indah pada pandangan.

“Adik-adikku, aku berjanji akan memberikan kamu kesenangan apabila aku bekerja nanti. Mak, aku tidak akan jadi anak yang nakal lagi. Aku akan jadi anak yang baik, aku akan jadi anak mak yang pandai sekolah dan membantu mak dan bapak mencari wang tambahan. Hidup kita tidak akan susah lagi selepas ini.” Itulah tekadku.

Entah bila aku terlelap aku pun tidak sedar, namun apa yang kutahu, malam itu air mataku bergenangan kerana memikirkan nasib diri. Tiba-tiba tubuhku digoncang. “Aya... adik kamu sudah tak ada lagi... Aya, bangunlah, adik Is sudah meninggal.” Ya Allah! Itulah saat paling sedih bagiku.

Itulah kali pertama aku menghadapi suatu musibah bernama kematian. Kematian adik bongsuku yang paling kami sayang. Seingat-ingatku, aku menangi pemergiannya sehingga wajahku membengkak. Semua ahli keluarga berwajah sayu dan sugul. Akhirnya Iskandar pergi jua meninggalkan kami. Usianya baru tiga tahun ketika dia meninggalkan dunia fana ini. Meskipun dia hanya dipinjamkan buat sementara kepada keluarga ini, Is akan tetap kami kenang hingga ke akhir hayat kami.

Selepas Is kembali ke rahmatullah, banyak perubahan yang berlaku di dalam keluarga kami. Aku menjadi lebih banyak mengalah pada emak, bapak dan semua adik beradik. Ketika Kak Atie hendak menduduki peperiksaan MCE, aku memikul tanggungjawabnya untuk memudahkan dia belajar. Mak masih juga sering sakit-sakit. Jadi aku selalu ponteng sekolah untuk membantu mak di rumah sehinggakan kedatanganku di sekolah begitu merosot sekali. Bagiku, inilah pengorbanan... lebih-lebih lagi Kak Atie jauh lebih pandai berbanding diriku.

Kalau Kak Atie lulus dengan cemerlang, masa hadapan keluarga juga akan menjadi lebih baik. Sebagai anak perempuan kedua di rumah ini, memang tugas yang banyak di rumah terbeban kepadaku. Akulah yang membantu mak memasak, mengemas, menjaga adik-adik, menguruskan kain

baju dan lain-lain, melainkan belajar. Kata bapak, orang bodoh macam aku, nanti apabila tak lulus periksa, boleh tolong mak di rumah saja. Meskipun kata-kata itu pedih dan memberikan suatu tamparan hebat kepadaku, namun aku tidak lagi melawan bapak. Kematanganku ketika usia 16 tahun itu melebihi wanita yang berusia 20 tahun ketika itu. Pun di dalam hati ini, aku bertekad untuk membuktikan kepada bapak bahawa aku akan menjadi anak yang berjaya pada suatu hari nanti.

Aku tahu, pada pandangan mata bapak, antara aku dengan Kak Atie, tahap kecemerlangan kami macam langit dengan bumi. Aku memang di antara murid yang tercorot dalam kelas. Oleh sebab selalu gagal Matematik, Sains dan Perakaunan, kad laporan sekolah aku tandatangani sendiri tanpa memberi bapak peluang melihatnya, kerana jika bapak melihat kad laporan itu, pasti hatiku menjadi bertambah sakit dan permusuhanku dengan bapak tidak akan berhenti sampai bila-bila. Lagipun bapak tidak pernah berminat untuk melihat sebarang kad laporan. Baginya, apa yang penting aku selalu ada di rumah menjaga mak yang tidak berapa sihat itu. Oleh hal yang demikian, aku tidak ada sebarang tekanan untuk menjadi cemerlang di dalam pelajaran dan aku berikhtiar sendiri untuk sekurang-kurangnya lulus peperiksaan dan menjadi anak bapak yang sederhana – tidak seabodoh yang selalu disebut-sebutkannya itu.

Selepas ketiadaan arwah Is, bapak dapat menumpukan tugasnya di pejabat dengan lebih sempurna kerana dia tidak perlu selalu susah hati. Mungkin kebetulan rezeki bapak juga bertambah kerana dia seorang pekerja yang sangat rajin di pejabatnya. Kesihatan mak masih juga sama. Kadang-kadang sihat, kadang-kadang tidak. Bapak bertemu cinta barunya, sebuah kereta terpakai berwarna merah. Kereta Ford Anglia ala kereta Batman. Itu menjadi kegilaan bapak. Setiap hari dia akan mencuci keretanya hingga berkilat luar dalam. Bapak sudah kurang romantik dengan mak lagi. Setiap hari dia lebih suka menghabiskan masa dengan kereta merahnya itu. Seheinggakan suatu hari aku pernah mendengar mak bersungut sendirian, “Kan baik kalau aku ni yang digosoknya... ni kereta itu saja yang digosoknya setiap hari.”

Aku tersenyum melihat mak cemburu pada kereta merah itu. Tak pernah dapat kulupa, setiap pagi waktu bapak hendak pergi kerja, bapak akan menghidupkan enjin kereta Ford Anglia itu hampir 15 minit. Tetapi apabila hendak keluar dari rumah, maka aku, abang dan Kak Atie yang perlu menjadi Badang untuk menolak kereta bapak... Vroom... vroom.. vroom. Barulah kereta itu dapat meluncur laju. Lama kelamaan aku jugalah yang menjadi mangsa nombor satu untuk menolak kereta bapak kerana aku sentiasa saja ada di rumah kerana ponteng sekolah. Jadi, selain daripada menjadi pembantu rumah, aku juga menjadi Badang penolak kereta

bapak. Mungkin kerana itulah juga aku mempunyai tulang yang kuat kerana terlatih menjalankan tugas sehebat itu!

Bapak akhirnya berjaya juga membuat pinjaman untuk membesarkan rumah kami yang daif itu. Rumah yang hanya mempunyai dua bilik tidur itu, akhirnya menjadi sebuah rumah empat bilik dan lebih selesa kepada kami semua.

Oleh kerana proses pembikinan rumah itu agak rumit, dan mak juga tidak berapa sihat, bapak menyewa sebuah rumah lain yang tidak jauh dari rumah asal kami. Rumah dalam deretan yang sama itu kami sewa daripada Pak Cik Ripin (namanya sama dengan nama bapak). Di rumah sewa itu, kebetulan Pak Cik Ripin mempunyai reban ayam. Ada beberapa ekor ayam yang dipeliharanya. Oleh kerana kami hanya mahu menyewa selama dua bulan, reban ayam itu sengaja biarkan saja di situ, dan kami berjanji akan menjaga ayam-ayam tersebut.

Ketika di rumah sewa, aku berada di dalam tingkatan 4, manakala Kak Atie dalam tingkatan 5 dan sudah bersedia untuk menduduki peperiksaan MCEnya. Jadi tugas rumah tangga beralihlah kebanyakannya kepadaku.

Pada tahun itu juga mak sering sakit. Apabila mak sakit, keadaan rumah bertambah rumit dan agak bercelaru. Aku sudah tentu tidak dapat pergi sekolah kerana terpaksa

menjaga adik-adik yang lain. Ketika mak sakit, bermacam-macam dugaan yang kami alami. Dengan kudratku yang tidak seberapa ini, aku menghadapi pelbagai situasi di rumah dengan tabah. Pada suatu hari, adik-adik meragam hendak makan. Lapar, kata mereka. Bapak belum lagi pulang ke rumah. Pada waktu-waktu begini biasanya bapak akan menjengah mak di hospital sebelum balik ke rumah.

Aku menyuruh Cham melihat ke reban ayam. Mana tahu jika ada rezeki kami, bolehlah adik-adikku makan telur. Cham gembira melihat ada lima biji telur ayam. Kegembiraannya dikongsi bersamaku. Apa lagi, aku pun mencuci telur-telur itu, lalu kurebus. Semua adikku sudah tidak sabar hendak makan kerana hari sudah petang, perut pula sudah berbunyi... sebentar ya adik-adikku, lalu kukupas sebiji telur yang telah siap kurebus. Ya Allah, betapa terperanjatnya aku apabila kudapati di dalam telur itu ada anak ayam yang sedang meringkuk. Hatiku mula rasa bersalah. Aku memandang Cham dan Cham memandang mataku yang sudah berkaca. Kami mengupas sebiji lagi. Masih juga ada anak ayam yang meringkuk dan mati direbus. Aku tidak sanggup mengupas telur yang masih ada tiga biji itu apabila Cham sudah mulai menangis. “Ya Allah, kita pembunuh!!!” jeritku.

Kami membuang semua telur itu ke dalam tong sampah dan berdoa agar bapak balik cepat. Ya Allah, kenapalah

lambat benar bapak balik dari hospital. Adik-adik sudah mulai meragam.

Tiba-tiba ada seorang saudara kami datang. Harapan mulai berbunga. Mungkin dapat juga mak cikku yang seorang ini membantu. Namun apa yang kami dapat hanyalah kata-kata kesatnya.

“Bapak kau mana?”

“Pergi hospital, mak cik,” jawabku.

“Kenapa?” tanyanya lagi.

“Mak sakit,”balasku, kecut melihat wajah mak cikku yang sombong itu.

“Itulah mak engkau, tiap-tiap tahun nak beranak. Anak dah mencicit-cicit begini.”

Aku diberi suatu *statement* yang sama sekali di luar dugaanku.

“Hmm.., Padanlah muka kau.”

Perempuan kaya itu pulang hanya setelah menyakiti hatiku. Dia tidak sedar dia bahawa dia telah menyakiti hati

seorang anak yang memerlukan sedikit simpati. Dia tidak sadar bahawa menyakiti hati anak orang miskin seperti kami ini balasannya adalah kemurkaan Allah.

Semakin lama, aku semakin membenci saudara-saudara mak dan bapak yang tidak berhati perut. Sememangnya apabila kita miskin, orang memandang kita seperti sampah yang tidak diperlukan. Sesiapa pun tidak akan mengaku bersaudara dengan kita.

Masih kuingat lagi, mak selalu menyuruh kami agar duduk diam-diam pada hari-hari bapak bermuka masam. “Bapak tengah sakit poket,” kata mak. Ketika itu kami tidak faham, tetapi semakin aku dewasa, semakin aku faham ‘sakit poket’ itu bererti bapak sudah tidak berduit... jadi dia susah hati dan *moodnya* berubah menjadi garang dalam keadaan sebegitu.

Bapak adalah seorang yang sangat bertanggungjawab meskipun di antara aku dengan dia seperti musuh. Aku melihat bapak bekerja keras untuk membesarkan kami. Tidak pernah sehari pun kami tidak dapat makan walaupun pendapatan bapak sebagai kerani sangat kecil. Bapak tidak putus-putus berusaha untuk memastikan bahawa ahli keluarganya cukup makan dan pakai, meskipun tidak semewah orang lain.

Oleh kerana tanggungan bapak sangat melelahkannya, maka semakin aku dewasa, aku semakin faham mengapa bapak tidak mahu membiayai persekolahanku lagi selepas aku mendapat Gred 2 dalam peperiksaan SPM. Bapak mahu aku bekerja supaya dapat membantunya. Aku berasa amat tertekan apabila kawan-kawan yang lain sudah ramai yang menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi – universiti tempatan, juga luar negara. Bagi bapak, aku mendapat Gred 2 itu pun disebabkan ‘nasib’. Memang aku berasa amat sedih dengan kata-kata bapak itu.

Aku bergaduh dengan bapak kerana aku masih ingin meneruskan hasrat untuk ke Institut Teknologi Mara (ITM – sekarang UiTM). Kata bapak, “Kau carilah duit kau sendiri. Aku ni, kaki bawak kepala, kepala bawak ke kaki...” Itu perumpamaan yang selalu bapak gunakan apabila dia marah kerana tiada berduit. Oleh kerana aku sedar, bergaduh dengan bapak tidak akan pernah juga membuat aku menang, jadi aku memilih untuk bekerja membantu meringankan bebannya.

Ketika aku sudah bekerja, Kak Atie masih belajar di tingkatan 6 Atas di sekolah berasrama di Kuala Lumpur. Bermacam-macam kerja yang kubuat, akhirnya aku mendapat satu pekerjaan yang agak baik di sebuah syarikat arkitek di Petaling Jaya. Dengan gaji yang sedikit; ketika itu cuma RM280.00 sahaja, dapat juga aku membantu bapak.

Setiap bulan aku terpaksa memberikan slip gaji kepada bapak, dan bapak akan mengambil separuh daripada apa yang aku peroleh itu. Selebihnya aku gunakan sebagai duit tambang untuk berulang alik ke tempat kerja.

Apa yang bapak tidak tahu, baki gaji yang sedikit itu tidak mencukupi untuk aku buat belanja makan tengah hari. Selalu aku berlapar di tempat kerja. Kadang-kadang aku balik berjalan kaki dari SS2 ke rumah, di SS9. Alangkah jauhnya berjalan kaki, hampir Maghrib baru sampai ke rumah. Sebagai anak remaja, kepayahan itu menjadikan aku amat kecewa. Puas aku berfikir, apakah jalannya untuk aku sambung belajar. Setakat gaji yang sebegini kecil, sampai mati pun tidak akan berasa hidup senang. Maka aku mengambil keputusan untuk bekerja di dua tempat.

Ketika itu, tidak jauh dari pejabat tempat aku bekerja, ada sebuah toko buku terkenal, Antonian Book Store. Jadi, selesai sahaja tugas pejabat jam 5.00 petang, aku berehat sejam dan memulakan tugas sebagai *promoter/sales girl* di Antonian Book Store pada jam 6.00 petang dan selesai pada jam 9.00 malam. Tiga jam waktu bekerja itu, aku dibayar RM150.00 yang bagiku cukup lumayan untuk aku menyimpan dan berbelanja untuk diri sendiri. Bapak tidak kisah pun aku bekerja lebih masa. Bapak cukup yakin bahawa aku anak yang pandai menjaga keselamatan diri sendiri. Kadang-

kadang bapak datang menjemput aku pulang kalau aku ketinggalan bas yang terakhir ke Sungei Way.

Akhirnya, berkat kesabaran dan ketekunan aku mencari wang, dapat juga aku membiayai pengajianku di ITM, Jalan Othman, Petaling Jaya. Apakah jurusan yang boleh aku pilih selain daripada kursus Kesetiausahaan? Sekurang-kurangnya aku tidak ketinggalan, tidak cuma belajar hingga tingkatan 5.

Pun begitu, di ITM Jalan Othman, hidup sebagai pelajar miskin, masih lagi menuntut usaha yang keras. Setiap cuti semester, aku akan bekerja selama sebulan, asalkan dapat sedikit wang untuk dibuat membayar yuran dan membeli keperluan lain. Ada kalanya aku terpaksa menebalkan muka, pergi ke rumah nenek untuk minta duit belanja. Bukan nenek tidak beri, tetapi aku yang kadangkala tidak sanggup hendak mendengar 'ceramah perdana' nenek yang akan mengutuk bapak macam-macam. Jadi, kalau tak terpaksa, aku tak akan minta duit daripada nenek, walaupun nenek selalu cakap, tak ada duit, minta sajalah pada nenek.

Akhirnya, meski bersusah payah, pengajianku di ITM berhasil juga membuahkannya segulung Diploma. Terima kasih bapak, kerana mencabarku... terima kasih mak kerana aku tahu hati mak bangga dengan pencapaianku. Terima kasih nenek kerana ada kalanya aku menyusahkanmu dan terima kasih teman-teman yang selalu memahami kesusahanku.

CERITA 5

MENCARI CINTA

AKU memang bukan seorang perempuan yang manja, dan tiada juga tempat untuk bermanja. Kehidupan yang keras sebagai anak perempuan kedua membuat aku juga menjadi gadis yang agak keras dan pantang dicabar. Namun perangaiku yang agak gila-gila kadangkala membuat aku disenangi teman-teman.

Disebabkan perangaiku memang agak gila-gila itu, (kerana jika aku tidak memilih untuk menjadi gadis yang *happy go lucky*, sudah tentu aku akan selalu bersedih mengenangkan kekurangan diri dan kemiskinan keluarga) akhirnya teman-temanku menjadi semakin ramai. Rupanya menjadi *happy go lucky* adalah pilihan yang terbaik dan akhirnya menjadi sebatik dalam diriku.

Ketika remaja lain sedang mencari cinta, aku juga sama-sama berada di dalam arus yang serupa itu. Cinta pertama hanyalah cinta monyet. Cinta yang bertepuk sebelah tangan. Aku menanggung kecewa selama dua bulan, kemudian bertekad mencari seberapa ramai teman lelaki, begitulah azam baru selepas dikecewakan.

Untuk *test-market*, aku menghantar gambarku (berukuran pasport) kepada majalah *Alam Wanita*, ruangan “Teman Penulis Alam Wanita”. Ketika itulah saat paling menyeronokkan berlaku dalam hidupku. Setiap hari posmen menghantar seguni surat untukku. Paling banyak 40 pucuk surat dalam sehari, dan paling sedikit sepuluh pucuk surat. Alangkah seronoknya melayan surat-surat peminat. Ada yang menghantar gambar. Ada yang suratnya berbau harum kerana ditaburi bedak. Ada yang tulisannya tidak dapat hendak dibaca dan kubuangkan ke dalam tong sampah sertamerta. Daripada ribuan surat yang kuterima itu, lebih banyak yang kuberikan kepada kawan-kawan sekolah atau saudara mara yang turut teruja melihat aku menerima seguni surat dalam sehari. Abang posmen pun tersengih saja apabila datang ke rumah. “Wah, ramai peminat adik,” katanya.

Aku memilih surat yang dikarang dengan baik dan tulisan yang cantik. Natijah daripada kerja mencari kekasih ini, aku telah menyenaraipendekkan beberapa orang teman yang akan diajak bertemu (*blind date*). Aku masih ingat lagi kisah lucu mencari kekasih dengan cara sebegini. Seorang seorang peminatku itu bernama Cikgu Mohamad yang mengajar di Sekolah Air Panas, Setapak. Tulisannya, aduhai... begitu kemas dan cantik, boleh dapat pingat kecemerlangan tulisan. Dia tidak menghantar gambar tetapi dia terpilih

kerana bagiku dia adalah lelaki yang paling pandai mengarang surat.

Lelaki yang kedua bernama Sharif Taha. Dia seorang jurugambar yang bertugas di Kementerian Pertahanan Malaysia. Sama seperti Cikgu Mohamad, Sharif Taha juga tidak menghantar gambarnya, tetapi sering mengirim hadiah melalui pos.

Jejaka yang ketiga bernama Ramdhani, seorang pelajar tahun kedua dalam jurusan kejuruteraan di ITM Shah Alam. Jejaka keempat pula, Anuar Abdullah dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Anuar ketika itu pelajar UTM, Jalan Semarak tetapi disingkir daripada universiti kerana terlibat dalam demonstrasi.

Seorang lagi bernama Abdul Aziz Yahya dari Ipoh, Perak, yang menggunakan kependekan AAY setiap kali dia menulis surat padaku. Sampai naik pening membaca kerana dalam surat pasti ada AAY, AYA, AAY, AYA (AYA adalah panggilan untukku, Aya).

Ramdhani, Anuar dan AAY mengirim gambar mereka dan lulus kerana wajah-wajah yang *handsome* dan ketinggian yang cukup menetapi syarat. Lagipun surat-surat mereka amat menghiburkan.

Blind date yang pertama dengan Cikgu Mohammad memang melucukan. Kami berjanji bertemu di Perpustakaan Kuala Lumpur (dekat Dataran Merdeka sekarang). Katanya, dia berbaju merah. Aku duduk dengan Kak Atie, menanti. Tiba-tiba seorang lelaki yang sangat tidak menyelerakan, menegurku... “Hmm... maaf, awak Suraya kan?” Secara spontan dia terkeluar daripada senarai pilihanku. Aku hanya menggeleng-geleng dan memberi isyarat “jom, cabut lari daripada dia,” kepada kak Atie. Maka, setakat itu sajalah alkisahnyanya dengan cikgu yang malang tu.

Kemudian aku *blind date* pula dengan Sharif Taha yang sudah berusia 30-an dan sudah beristeri. Walaupun tidak tampan, tetapi dia ada kamera mahal, sebab dia seorang jurugambar. Pada zaman itu memanglah hendak berfoto menjadi sesuatu yang *luxury*, jadi apabila abang Sharif ini mempelawaku untuk bergambar, aku pun mengajak Kak Atie dan kawan rapatnya, Kak Su ikut sekali. Banyaklah gambarku yang diambilnya. Nak bercinta dengan abang ini? Minta maaf sebab dia sudah ada anak tiga. Maka setelah dapat gambar yang lawa-lawa, abang Sharif Taha ini aku tinggalkan walaupun dia tak habis-habis ‘gila bayang.’

Ramdhani pula setakat boleh dijadikan kawan saja kerana dia suka makan *free*. Apabila dia datang berhari raya di rumahku, dia akan makan dari pagi sampai ke petang. Apabila dia tidak ada duit, dia akan datang bertandang ke

rumahku dan mencari apa-apa yang dapat mengisi perutnya. Maka terkeluarlah juga dia daripada senarai pilihanku.

Anuar, tampan dan baik tetapi kerjanya asyik balik kampung sahaja. Ayam bertelur dia balik kampung, pisang masak dia balik kampung, saudara bersunat pun dia balik kampung. Akibat asyik balik kampung sahaja, maka Anuar juga menjadi sejarah dalam hidupku walaupun sebenarnya aku suka padanya.

AAY? Dia seorang yang keliru jantina. Apabila dia mengirimkan gambar, wajahnya memang seorang 'budak jambu' yang terlalu jambu hingga aku rasa dia lebih layak menjadi kakak angkatku.

Akibat pencarian cinta yang tidak membuahkan sebarang hasil yang diharapkan, maka aku pun melupakan segala usaha sia-sia itu. Namun, sememangnya apabila kita berhenti mencari, cinta sebenar itu akan datang sendiri.

Akhirnya aku tidak pernah menyangka, orang yang menjadi suamiku sekarang hanyalah seorang budak kampung yang sering menjadi bahan gurauan antara aku dengan adik beradik yang lain. Mazlan, seorang budak lelaki yang pernah datang ke rumah jiranku ketika aku berusia 13 tahun. Ketika dia berada di dalam tingkatan 2, dia sudah mulai menulis surat pada kakakku (Kak Atie). Ketika Kak Atie sibuk belajar

untuk menghadapi peperiksaan LCE, Kak Atie meminta aku membalas surat Mazlan kerana dia mahu menumpukan perhatiannya kepada pelajaran. Bermula dari situ, aku menulis surat kepada Mazlan dan hubungan itu hanyalah biasa-biasa saja.

Apabila Mazlan selesai menghadapi peperiksaan SPM, dia datang ke Kuala Lumpur untuk bertemu denganku. Buat pertama kalinya, setelah beberapa tahun tidak bertemu, kami ditakdirkan untuk 'berjanji temu' (*dating*) secara rasminya di hadapan Stesen Keretapi Kuala Lumpur. Memang pertemuan itu sesuatu yang menggelikan hati kerana Mazlan bertutur dialek Terengganu yang sangat pekat, sehinggakan apa yang dibualkan pun 50 peratus daripadanya aku tidak faham. Namun, apa yang memikat hatiku ketika itu adalah dia memiliki kulit yang putih bersih, ketinggian yang cukup syarat dan wajah yang menawan. Ketika itu hatiku tidaklah seratus peratus tertarik kepada tetapi perasaan itu akhirnya mengembang sedikit demi sedikit hingga kami menjadi sepasang kekasih yang tidak lagi mahu dipisahkan oleh jarak.

Aku meminta Mazlan berhenti kerja dan melanjutkan pelajarannya di ITM Shah Alam supaya lebih senang kami bertemu. Ketika itu aku sudah pun berada di ITM Jalan Othman. Mazlan mendapat tempat di ITM hanya selepas satu semester aku di ITM Jalan Othman itu. Ketika itu juga

aku memang merasakan perlunya dia di sampingku. Perlunya aku mengubah diriku yang keras menjadi lebih lembut dan manja, walaupun pada hakikatnya teramat sukar bagiku untuk menjadi begitu. Ketika itu, keadaan di rumah tidak menyebelahiku. Aku dan bapak tidak habis-habis bertekak. Keadaan di ITM Jalan Othman adakalanya menyedihkanku, aku benar-benar memerlukan seseorang untuk menemani dan berkongsi perasaan.

Akhirnya, dengan kehadiran Mazlan, hidup ini terasa lebih bahagia walaupun dia juga pemuda daripada keluarga sederhana yang tidak dapat memberikan kemewahan material kepadaku. Setiap kali kami ada janji temu, biasanya kami akan mengira dulu berapakah wang yang ada di dalam poket. Seperti biasa kami cuma mampu makan roti canai atau nasi goreng. Tetapi material bukanlah ukuran bagiku ketika itu. Apa yang penting ada lelaki yang dapat melindungi dan mencintai aku. Kadang-kadang, apabila difikirkan kembali, itu hanyalah suatu pelarian bagiku daripada pelbagai kemelut yang kuhadapi. Namun hati ini memang menghargainya. Memang aku mencintainya sepenuh hatiku.

Mazlan seorang pemuda yang datang daripada latar budaya kehidupan yang sangat berbeza daripada keluargaku. Kami sekeluarga memang ternyata sangat keras, sehinggakan sedikit pun aku tidak tahu bagaimana menjadi wanita yang lemah lembut. Berbeza daripada Mazlan, dia sangat lemah

lembut, setiap bicaranya penuh kesantunan. Mungkin itu juga yang membuat aku terpicat kepadanya selain daripada raut wajahnya yang tampan berbanding dengan semua lelaki yang pernah aku temui.

Pada 29 Mei 1983, ketika cuti semester pertama di ITM Jalan Othman, aku dan Mazlan bertunang dalam keadaan dan suasana yang sangat sederhana. Memang nenek marah amat. “Kau sepatutnya belajar dan kerja bagus-bagus dulu. Bukan menggatal nak kawin,” kata nenek. Tetapi Mazlan berjaya melembutkan hati nenek. Dia memang pandai mengambil hati sehinggakan bapak dan nenek menjadi sayang kepadanya. Bapak selalu meminta Mazlan membantunya mencuci kereta, mengecat rumah, dan entah apa-apa lagi. Dia akan menurut perintah dan tidak pernah marah atau bersungut. Tahap kesabarannya sangat tinggi, berbeza daripada aku yang menjadi musuh bapak.

Setelah kami bertunang, Mazlan melanjutkan pelajarannya ke ITM Shah Alam, dan kami tidak lagi berjauhan. Pada mulanya hasrat untuk melanjutkan pelajaran ke ITM ditentang oleh keluarganya, kerana ketika itu dia sudah pun mendapat pekerjaan tetap sebagai Juruteknik di Telekom. Akhirnya, keluarganya akur juga apabila Mazlan menerima Pinjaman Pelajaran Yayasan Terengganu.

Aku berada di kampus Jalan Othman, Petaling Jaya, manakala tunanganku itu di kampus Shah Alam. Setiap minggu Mazlan akan datang mengambilkmu dari Jalan Othman untuk *dating* dan kemudian balik ke rumah mak. Ada kalanya kami ponteng kelas kerana sambung janji temu pada pagi Isnin, ketika dia menghantarku aku balik ke kampus. Biasanya kami cuma bersembang-sembang di tepi tasik Taman Jaya. Sememangnya tiada kemewahan waktu itu, tetapi apa yang wujud adalah kebahagiaan bersamanya.

Sebaik sahaja aku selesai pengajian di ITM Jalan Othman, aku memohon pada Mazlan agar menikahiku. Ketika itu aku berperang besar dengan bapak dan mak. Aku tidak mahu lagi duduk di rumah kerana merajuk dengan mereka berdua. Maka, kami pun diijabkabulkan dalam majlis yang dihadiri oleh saudara dan teman-teman terdekat yang cuma lebih kurang 100 orang sahaja. Ketika itu Mazlan masih pelajar tahun akhir Sains Gunaan di ITM Shah Alam (Rubber & Plastic Technology).

Dengan itu, pada 7 Julai 1984, aku bergelar isteri kepada suamiku, seorang pelajar tahun akhir yang masih muda dan tidak begitu bersedia untuk melayari alam rumah tangga. Ketika itu kami memang tersangat muda. Aku baru berusia 21 tahun, manakala Mazlan baru 23 tahun. Misainya pun baru nak tumbuh, tanggungjawab sudah menantinya.

Terima kasih, wahai suamiku. Kamu telah menyelamatkan aku daripada pergelutan perasaan dan memberikan sinar baharu dalam hidupku. Cinta adalah sesuatu yang indah.... akhirnya aku temui juga cinta yang telah ditakdirkan Allah untukku.

CERITA 6

KAHWIN MUDA

APABILA berkahwin dalam keadaan yang tidak bersedia, tetapi cuma mengikut rasa, bermacam-macam masalah yang timbul. Ketika aku bergelar isteri, suamiku Mazlan (Abang Lan), masih lagi penuntut tahun akhir Kajian Sains Gunaan, jurusan Teknologi Plastic & Getah. Namun aku rasa puas hati kerana sekurang-kurangnya tidak lama lagi, aku dapat tinggal berasingan dari rumah mak.

Aku mendapat pekerjaan sebagai setiausaha di Island & Peninsular Berhad (I&P), sebuah syarikat pemaju yang agak ternama ketika itu. Namun aku ditugaskan di anak syarikat I&P, iaitu Talam Leasing Sdn. Bhd., di Jalan Kampong Attap, Kuala Lumpur.

Menyedari diri kini seorang isteri, aku bekerja bersungguh-sungguh untuk menyimpan sedikit wang untuk perbelanjaan diri sendiri dan suami. Namun, tidak pernah aku lupa untuk menghulurkan sedikit gajiku kepada mak kerana aku masih tidak mampu berpindah dari rumah mak, meskipun hatiku selalu sakit ketika itu. Selepas dua bulan berumah tangga, aku hamil! Itulah berita paling gembira

dalam hidup ini kerana hasil cintaku dan suami, aku mengandung anak sulung kami yang sudah tentu akan berwajah comel.

Mengharungi waktu sembilan bulan hamil anak sulung ini sememangnya amat payah sekali. Aku muntah setiap hari, sehingga tak ada apa-apa pun yang boleh masuk ke dalam perutku. Setiap pagi aku kuatkan diri untuk pergi kerja.

Sepanjang jalan dari rumah mak ke perhentian bas, aku muntah, kadangkala enam kali, kadangkala sembilan kali. Seheinggakan kesan-kesan muntah itu sudah kukenal kerana rumput-rumput akan mati akibat kandungan asid muntahku ketika itu.

Dalam keadaan perut terboyot-boyot, terpaksa juga aku berebut-rebut menaiki bas mini. Ada hari dapat tempat duduk, ada hari meletakkan diri dalam risiko yang tinggi kerana terpaksa bergayut di tangga kerana bas mini yang sudah penuh. Bas akan berhenti di Stesen Keretapi Tanah Melayu Kuala Lumpur dan aku terus berjalan kaki lebih kurang satu kilometer lagi ke Jalan Kampong Attap. Begitulah rutinku setiap hari... seheinggakan kadang-kadang, apabila perut rasa senak, aku berhenti berjalan, duduk berehat sebentar di perhentian bas, dan mengenang saat-saat indah janji temu antara aku dengan suamiku di Stesen Kereta Api Tanah Melayu itu ketika aku berusia 16 tahun dulu.

Setiap hujung minggu, aku akan menanti suamiku pulang dari kampus. Meskipun hidup ketika itu sememangnya sukar, tetapi apabila dia ada di sisi, segalanya kurasakan bahagia. Dia juga agak risau tentang keadaan aku yang ketika itu sudah sarat. Wang tidak cukup, anak sudah mahu dilahirkan tetapi kami percaya kepada rezeki Allah Taala. Kami redha.

Akhirnya, Abang Lan membuat keputusan agar aku melahirkan anak sulung kami di Terengganu. Ini kerana mak bukannya kuat sangat nak menjaga aku. Isteri abang sulungku juga mahu melahirkan dalam bulan yang sama, dan mak memilih untuk menjaga dia daripadaku. Dalam hati ini, aku sering menangis apalah dosaku sehingga mak dan bapak selalu menyisihkan aku. Dan akhirnya aku akur, untuk bersalin di Kuala Terengganu, di rumah ibu mertuaku.

Berada di Kuala Terengganu, adalah satu pengalaman yang sangat asing... dengan budaya dan bahasa yang berbeza, banyak perkara yang membuatkan aku rasa tidak selesa. Namun, syukur alhamdulillah, aku mempunyai ibu dan bapa mertua yang baik. Ketika saat-saat getir hendak melahirkan anak sulungku, puas bapa mertuaku menelefon Abang Lan. Rupa-rupanya ketika aku di Hospital Kuala Terengganu, menyabung nyawa untuk melahirkan anak sulung kami, dia

sedang bermain pingpong di kampus (apabila segalanya sudah berlalu, aku ketawa sendiri mengenang peristiwa ini).

Akhirnya, anak sulung kami selamat dilahirkan pada petang bulan Ramadan. Ketika terasa seksa melahirkannya, aku merasa sedar bahawa begitu jugalah seksanya mak sewaktu melahirkan aku ke dunia dahulu. Mustahil mak tidak sayangkan aku, mustahil mak membenciku. Perselisihan kami pasti dapat dipulihkan kembali, fikirku.

Aku berasa amat gembira apabila Abang Lan pulang ke Kuala Terengganu sebaik sahaja dia mendapat berita aku sudah pun melahirkan permata sulung kami. Kami namakannya Nur Hidayah (Ida). Ketika dalam berpantang, Abang Lanlah yang menjagaku, merawat luka jahitan, memakaikan bengkung untukku. Dia memang seorang lelaki yang baik, yang penyayang. Ketika aku sakit dialah yang menjaga Ida, menukar lampin Ida dan memberikan Ida susu. Dia menjadi seorang bapa yang sangat penyayang meskipun misainya baru pandai tumbuh.

Abang Lan menyambung pelajarannya di Rubber Research Institute, Sungai Buloh, sebaik sahaja selesai pengajian di ITM, kerana ekonomi negara merudum ketika itu. Dua tahun dia menyambung pengajian itu, maka dua tahun itulah juga aku yang terpaksa menanggung semua perbelanjaan kami sekeluarga. Mahu tidak mahu, aku

terpaksa juga menebalkan muka menumpang rumah mak sehinggalah Abang Lan mendapat pekerjaannya di Air Keroh, Melaka.

Sebaik sahaja Abang Lan mendapatkan rumah sewa, aku berhenti kerja dan mengikutnya ke Melaka dengan hati yang sangat gembira. Itulah hidup baru yang sudah lama kami nanti-nantikan. Aku sempat juga bekerja selama beberapa bulan di Ansell Malaysia tetapi berhenti apabila aku mengandungkan anakku yang kedua. Ini disebabkan seperti biasa, keadaanku apabila mengandung sememangnya sangat teruk. Aku muntah lebih sepuluh kali sehari sehingga kekurangan air di dalam badan (*dehydration*) dan terpaksa dimasukkan ke Hospital Besar Melaka.

Sewaktu aku berhenti kerja, gaji Abang Lan masih kecil lagi. Gaji pokok baru RM700.00 sebulan. Ditolak itu ini, kadang-kadang tidak berbaki. Semuanya perlu dijelaskan – sewa rumah, duit makan, bayar hutang perabot dan entah apa-apa lagi. Mula-mula hidup sendiri tentulah banyak benar perkara yang aku tidak tahu. Aku pun belum lagi pandai memasak. Waktu inilah aku sering lakukan eksperimen dan biasanya masakan aku itu tidak pernah menjadi. Setiap kali masakan tidak menjadi, setiap kali itulah juga aku menangis apabila hendak menghidangkannya kepada suami tercinta. Tetapi, suamiku memang seorang lelaki yang baik. Sedap atau tak sedap, dia tidak pernah merungut – telan saja! Hari

demi hari, daripada setiap kesilapan yang kulakukan, akhirnya aku berjaya menjadi isteri yang pandai memasak.

Sewaktu mula-mula berpindah, segala keperluan memang tak mencukupi. Mesin basuh tak ada, mesin pengisar tak ada, peti ais tak ada, meja makan pun tak ada. Lama kelamaan, berkat jimat cermat, sedikit demi sedikit, dapatlah juga Abang Lan menyediakan semua itu untuk kami sekeluarga. Aku pula jenis yang tidak tahu hendak meminta itu ini, jadi waktu dia ada duit lebih, dia akan beli. Jika duit tidak ada, masing-masing duduk diam sajalah. Ketika hidup di rantau orang inilah kami benar-benar belajar berdikari. Dalam usia yang sangat muda, kami sedia menghadapi susah dan senang bersama. Pernah suatu waktu, kami tidak berduit langsung. Apabila beras tak ada, kami makan mihun, apabila mihun tak ada, kami makan roti, apabila roti tak ada, biskut kering pun jadilah...

Kadangkala pada waktu kesempitan itulah anak-anak pula sakit. Jika anak sakit, aku masih boleh lagi menjaga mereka, tetapi apabila aku sakit dan dimasukkan ke wad – itulah saat paling sedih kerana terasa benar tercampak di tempat orang.

Ketika aku dimasukkan ke hospital kerana *dehydration* akibat alahan sewaktu mengandung, hanya hari pertama saja ada jiran yang datang melawat. Hari-hari berikutnya aku

hanya menghitung waktu dan memandangi ruang hospital dengan pandangan yang kosong dan penuh kebencian.

Pesakit-pesakit di katil kiri dan kanan, semuanya dizarahi saudara mara, dengan buah tangan dan masakan panas. Tetapi aku, hanya menanti suamiku yang sukar hendak datang kerana terpaksa bekerja dan melihat anak-anak yang ditumpang di rumah jiran sewaktu aku sakit. Sedih apabila memikirkan anak-anak terpaksa menumpang kasih jiran-jiran. Alhamdulillah, ketika di rantau orang aku dikelilingi oleh jiran-jiran yang baik dan selalu membantu. Tidak akan pernah dapat kulupakan jasa-jasa mereka - arwah Mak Cik Encum, arwah Kak Ros, Abang Aris, Kak Ayu, arwah Suharjo Dharmis, arwah Sabtu dan isterinya, Zaleha.

Memandangkan keadaanku yang sememangnya kritikal setiap kali mengandung, aku bercadang untuk teruskan saja mengandung dan kemudian berhenti terus. Mulai daripada Ida, maka lahirlah Ima. Selang setahun muncul pula Waffy. Penat mengurus tiga orang anak kecil, aku 'berehat' seketika daripada mengandung, maka anak yang keempat, Qayyum, jarak usianya tiga tahun daripada Waffy.

Aku terus menjadi ibu yang sibuk melayani karenah anak-anakku yang bermacam-macam itu. Ida suka menyendiri, Ima nakal dan suka mengacau adik-adiknya,

Waffy kuat menangis dan mujur Qayyum pendiam dan tidak banyak karenah.

Apabila usia masih muda, darah muda, semuanya muda. Maka sudah tentu yang paling kurang sekali adalah kesabaran. Bayangkanlah, ketika usiaku 28 tahun, aku sudah pun menjadi ibu kepada empat orang anak. Ada kalanya kerana terlalu penat, aku bertukar menjadi seorang 'monster jadian'. Biasanya jika Abang Lan balik dari kerja, sebelum dia menjejakkan kaki ke dalam rumah, sudah kedengaran suara monster melantun hingga 300 meter. Ketika itu, dia akan cuba menenangkan diriku dan membawa lari anak-anaknya terlebih dahulu sebelum dikunyah oleh sang isterinya yang sudah bertukar perangai.

Biasanya Abang Lan akan membawa anak-anaknya naik motor, dan pulang sejam selepas itu. Ada kalanya Ima dan Waffy sudah tertidur di atas motor. Ida kemudiannya akan 'diposkan' ke rumah Kak Ros dan Abang Aris. Selesai mandi, Abang Lan akan menyuruh aku berehat dan minum kopi serta makan jemput-jemput bawang di bawah pokok mangga, di rumah Kak Ros.

Apabila difikir-fikirkan kembali, aku tidak patut marah kepada mak, kerana apabila anakku sudah empat orang itu, aku rupa-rupanya sudah sama perangai seperti mak juga. Ya Allah, inikah balasan-Mu kepadaku? Sememangnya amat

seksa menjadi isteri dan ibu muda, yang terpaksa menanggung pelbagai beban kerja untuk membesarkan anak-anak serta menjaga keharmonian rumah tangga.

Ada kalanya, apabila sudah terlalu penat, aku mogok! Pelik tetapi benar, mungkin kerana bagiku, kenapa asyik aku saja yang teruk menguruskan rumah tangga, walhal Abang Lan pulang daripada bekerja pun masih sempat bersembang-sembang dan pergi bermain badminton dengan kawan-kawannya.

Biasanya setiap bulan akan ada satu hari yang kupanggil HARI MALAS. Apabila tiba Hari Malas, segala aktivi harian akan terhenti. Kalau biasanya aku bangun pagi, buat dan sediakan sarapan dan uruskan rumah tangga serta anak-anak, tetapi pada Hari Malas, aku tidak akan buat semua itu.

Biasanya aku akan bangun lewat sedikit daripada biasa. Meskipun anak-anak semuanya sudah terjaga daripada tidur, aku biarkan saja mereka buat apa yang mereka suka. Biasanya Ima yang paling gembira pada 'hari malasku' itu. Dia bebas berbuat apa saja yang dimahukannya. Ada suatu ketika dia membawa pulang kawan-kawannya bermain di rumah. Dia membuat sarapan sendiri, ambil roti, sapu margerin atau susu pekat manis. Semuanya bersepah dan selekeh, tetapi dia gembira kerana dapat berdikari dan menjamu selera bersama kawan-kawannya.

Waffy pula tidak akan mandi hingga pukul 12.00 tengah hari. Apabila badan sudah berpeluh-peluh, Ima dan Waffy akan berendam di dalam besen mandi sambil bermain sabun, malah mencuci baju mereka sendiri. Apabila jari jemari sudah kecut, barulah mereka keluar.

Sinki yang bersih dan kosong menjadi penuh dengan cawan-cawan kotor kerana tiada sesiapa yang mencucinya. Kain napkin Qayyum (ketika itu Qayyum masih bayi), tak kuasa aku nak mencucinya sehinggakan sehelai pun tak ada lagi untuk dipakai. Jadi, Ida pula yang terpaksa mengambil tempat untuk menjaga adik-adiknya.

Apabila perut lapar, aku memasak mee segera dan sambung berehat di bilik untuk membaca majalah atau membuat *scrap-book*. Alangkah seronoknya duduk berehat sambil berangan-angan di atas katil. Rumah berlekit atau bersepah tidak lagi kupedulikan.

Apabila Abang Lan balik daripada kerja jam 5.30 petang, aku akan buat-buat sakit kepala. Kemudian aku pun tidur dari jam 5.30 hingga ke Maghrib, supaya segala kecelaruan di rumah itu dibereskan oleh suamiku itu.

Peliknya, Abang Lan tidak pernah marah walaupun rumah kami sudah menjadi macam tongkang pecah. Dia

masih *cool* seperti biasa. Seinggalah aku bangun daripada tidur, memang tidak juga dibuatnya kerja-kerja rumah itu. Kebiasaannya, selepas aku bangun daripada tidur petang, dia akan melayani anak-anak sementara akulah yang terpaksa menyiapkan semua kerja rumah yang terbengkalai sejak siang.

Mujur 'hari malas' itu tidak muncul pada setiap minggu. Ia hanya tiba setiap bulan kerana mungkin ketika itu tubuhku sudah memberontak kerana terlalu letih. Waktu itulah aku dapat merehatkan badan dan melatih fikiran yang selalu tidak tenteram. Waktu itulah juga anak-anak belajar berdikari dan sekali gus mengasah kreativiti mereka. Malah Abang Lan juga terpaksa merajin-rajinkan diri dan melupakan kawan-kawan badmintonnya buat sementara waktu!

CERITA 7

KEMBALI BEKERJA

SESUDAH Qayyum besar sedikit, aku mengambil keputusan untuk bekerja kerana aku berasa bertanggungjawab untuk turut membantu suamiku mencari pendapatan yang lebih daripada apa yang kami peroleh ketika itu. Sebenarnya bermacam-macam perkara yang telah kuusahakan untuk mencari pendapatan yang lebih itu seperti menjaga anak-anak jiran (Olan, Olin, Arif dan Nurul), menjual popiah, menulis buku cerita kanak-kanak dan kadang-kadang menjual kain sutera Terengganu apabila ada kesempatan kami balik ke kampung dan mendapatkan bekalan kain-kain tersebut.

Dengan kelulusan Diploma yang ada, serta penguasaan Bahasa Inggeris yang masih fasih, aku akhirnya diterima bertugas sebagai Setiausaha Sulit kepada Dato' Mohd Zuhri, Pengarah Urusan Jaymuda Sdn. Bhd., sebuah syarikat pemaju yang terkenal di Melaka. Daripada Setiausaha Sulit, aku kemudian mendapat tawaran kerja yang menjanjikan gaji lebih lumayan di AED (M) Sdn. Bhd. sebagai Editor (bagi buku-buku sekolah). Namun oleh kerana beberapa pertelingkahan dengan *bigboss*, aku berhenti kerja dengan

notis 24 jam daripada AED, setelah enam bulan ‘makan hati’ di sana.

Sememangnya kusedari, setiap perkara yang datang dalam hidup kita, pastilah ada hikmah di sebaliknya. Meskipun jiwa rasa sakit semasa bertugas di AED, namun kerana penerbitan bernama AED itulah aku dapat kembali ke dunia penulisan. Dan kerana AED juga aku menjadi akrab dengan Arshad Ami daripada Persatuan Penulis Melaka dan Kak Zainab, seorang penulis bebas. Melalui Arshad dan Kak Zainab aku diperkenalkan kepada beberapa orang penerbit di Radio 3 Melaka seperti Osman Dolmat dan Abidin Yahya. Akhirnya aku terpilih untuk menyelenggarakan rancangan “Sastera dan Budaya” di Radio 3 Melaka bersama salah seorang pegawai dari Jabatan Kebudayaan Melaka.

Susulan daripada aktiviti sastera yang semakin rancak kuhadiri dari semasa ke semasa itu, akhirnya aku telah kembali menulis sehinggalah terhasilnya 30 buah buku cerita kanak-kanak, 13 buah buku ilmiah tentang Malaysia, sebuah novel dan dua buah skrip drama TV serta tiga buah skrip drama radio.

Tanggal 1 September 1994 pula, aku memulakan kerjayaku di bidang perhotelan. Menulis dan berlakon drama radio masih diteruskan, namun kerjaya baru ini adalah suatu bidang yang amat dekat dengan jiwaku – bertemu banyak

manusia daripada pelbagai peringkat usia, bangsa, negara. Meskipun tugas baru itu amat berbeza dan mencabar, namun aku tidak lagi merasa duniaku sempit. Aku dapat bertutur dalam Bahasa Inggeris kembali dan tidak berasa seperti katak di bawah tempurung. Aku mempunyai ramai teman sekerja (hanya tiga orang Melayu, selebihnya Cina, India dan Serani kerana majoriti pekerja atasan di hotel ini bukan berbangsa Melayu - kerana pertuturan dalam Bahasa Inggeris amat penting bagi Hotel Lima Bintang).

Dengan gaji yang agak lumayan itu, kehidupan kami sekeluarga turut berubah. Syukur alhamdulillah. Di City Bayview itulah aku berkenalan dengan banyak orang berpengaruh, terdiri daripada kakitangan kerajaan, swasta serta pelancong luar negara.

Hampir dua tahun berada di City Bayview, daripada seorang wanita sederhana, secara tidak sedar cara hidupku turut mengalami peningkatan – dari segi pakaian, pertuturan, pergaulan dan pengalaman. Aku tidak melihat sedikit pun keburukan bekerja di bidang perhotelan seperti yang sering diperkatakan oleh orang yang daif mengenainya. Ada kalanya memang aku terpaksa pulang jam 2.00 pagi kerana bertugas sebagai Duty Manager. Ketika itu ada juga jiran-jiran yang mengatakan aku melacurkan diri dengan bekerja di hotel. Namun, telinga kupekakkan, mata kubutkan,

sesungguhnya tugas yang kujalankan itu tiada sedikit pun bersangkutan dengan apa yang mereka tohmahkan itu.

Sebagai Eksekutif Sumber Manusia, tugasku bermula daripada pengambilan pekerja, menjaga kebajikan mereka, mentadbir gaji, EPF, SOCSO dan juga kaunseling. Sebagai Eksekutif juga, aku seperti yang lain diwajibkan untuk bertugas sebagai Duty Manager, bermula dari jam 5.00 petang hingga 2.00 pagi, sekali dalam setiap minggu.

Tugas Duty Manager agak rumit dan mencabar untuk memastikan segala urusan di hotel berjalan lancar, di luar waktu pejabat. Ini termasuklah memastikan hotel dalam keadaan terbaik. Jika terdapat kebocoran, kehilangan, atau apa juga masalah di hotel, tindakan segera perlu diambil oleh Duty Manager, tanpa menunggu kedatangan Pengurus Besar keesokan harinya. Ada kalanya *function* diadakan pada malam hari, misalnya *Annual Dinner* oleh mana-mana jabatan atau syarikat. Ketika itu kehadiran Duty Manager amat diperlukan – berkemungkinan pelanggan mempunyai sebarang masalah yang memerlukan tindakan segera.

Memang seronok bekerja di City Bayview, namun aku terpaksa berpindah semula ke Kuala Lumpur setelah Abang Lan mendapat tawaran pekerjaan yang jauh lebih baik di Petronas.

Setelah hampir 10 tahun merantau di bumi Melaka, akhirnya dapat juga aku kembali ke tempat tumpah darahku di Kuala Lumpur – berkumpul kembali bersama nenek, mak dan adik-beradik serta saudara mara.

Kerjaya di bidang perhotelan tetap kuteruskan. Di Kuala Lumpur, aku diterima untuk bekerja di bawah Kumpulan Hotel Holiday Villa yang mempunyai banyak rangkaian hotel di Malaysia dan luar negara. Bagaimanapun, aku ditugaskan sebagai Pengurus Sumber Manusia untuk dua *outlet*, iaitu Valley Country Club (di Subang Jaya) dan City Villa Kuala Lumpur. Maka tugas baru di Kuala Lumpur itu menyebabkan aku terpaksa berulang alik dari Kuala Lumpur ke Subang Jaya (tiga hari di Subang Jaya dan tiga hari di Kuala Lumpur). Melalui tugas baru ini juga, kedudukanku sudah naik setingkat lagi. Kali ini kemudahan kelab di Valley Country dapat kugunakan pada bila-bila masa. Di Hotel City Villa juga berbagai-bagai kemudahan yang layak kumiliki termasuk bilik percuma, makan percuma, dobi percuma dan percutian percuma di mana-mana rangkaian hotel Holiday Villa. Anak-anakku pula berpeluang belajar berenang pada setiap minggu di Valley Country Club, sehinggakan Ida, Ima, Waffy dan Qayyum pandai berenang seperti ikan dan mereka benar-benar gembira kerana setiap minggu dapat beriadah di kelab tersebut.

Sepanjang bersama dengan kumpulan Holiday Villa, aku juga berpeluang menyambung pengajian dalam dua bidang - Advance Certificate in Training dan Diploma in Marketing Communications di bawah Malaysian Association of Hotel dan SHATEC Hotel School, Singapura.

Semakin lama, pangkatku semakin meningkat dan kemewahan dan keberadaan yang pernah aku idamkan akhirnya tercapai apabila aku dan Abang Lan kembali ke Kuala Lumpur. Syukur alhamdulillah.

CERITA 8

DUNIA BAHARU

TIDAK pernah terfikir pun di benakku, bahawa suatu hari nanti, aku bergelar seorang ahli perniagaan. Bagaimanapun, setiap apa yang berlaku didorong oleh Allah SWT dan kita tidak pernah tahu apakah janji-janji-Nya kepada kita apabila kita melangkah ke suatu dunia yang baharu dan asing.

Di City Villa, segalanya lancar. Cuma semakin lama tugas menjadi semakin mencabar. Imbuhan gaji yang lumayan semestinya datang dengan tanggungjawab yang berat. Apabila sudah 10 tahun di dunia perhotelan, ada kalanya hati terasa semakin berat untuk melangkah ke tempat kerja, walaupun imbuhan yang diberi sangat berpatutan dengan segala titik peluh yang perlu kusumbangkan setiap hari.

Suatu hari, Mariana Abdullah, Pembantu Chef di City Villa mengemukakan satu cadangan. Katanya, seorang bekas polis hendak menjual perniagaannya di Sungai Plong, Sungai Buloh – sebuah restoran tomyam yang terkenal. Kata Mariana, sudah bertahun-tahun kita buat duit untuk hotel, apa salahnya jika kita cuba berniaga pula dengan mengambil alih perniagaan itu. Kata Mariana, dia tidak mempunyai wang tetapi jika aku dapat memberikannya modal untuk

membeli restoran tersebut, dia akan menjaga dan menguruskan perjalanan restoran itu sepenuh masa.

Bermula dari situlah aku memulakan perniagaan pertamaku. Dengan sedikit wang simpanan dan kemudian membuat pinjaman bank sebanyak RM30,000, maka aku, Mariana dan dibantu oleh seorang pekerja City Villa yang berasal dari Sabah - Saik namanya, memulakan pengambilalihan restoran tersebut.

Setelah membayar harga kedai (rupa-rupanya cuma gerai yang agak besar di tepi jalan besar menuju ke Ipoh) sebanyak RM13,000, kami memperbaiki kedai itu kerana ia tampak agak usang dan perlu dipercantikkan lagi untuk menarik perhatian pelanggan. Kami juga membeli peralatan dapur dan sebagainya, dan memulakan perniagaan pertamaku itu pada tahun 2000. Rupa-rupanya, awal dekad pertama abad ke-21 itu telah mencatatkan satu peristiwa yang kemudiannya menghumbanku ke dalam gaung masalah yang tidak pernah terfikir oleh mindaku sebelum ini.

Perniagaan berjalan lancar pada bulan pertama. Banyak lori yang berulang-alik dari selatan ke utara ke utara akan datang singgah makan di restoran kami bermula selepas Maghrib. Orang ramai berpusu-pusu membeli makanan dan ada yang membawa keluarga makan di situ. Aku menjadi hairan, mengapa bisnes sebegus ini hendak dijual oleh

pemilik restoran yang bernama Wahab itu. Kata Wahab, dia sudah penat berniaga, dia hendak balik ke Kelantan untuk berehat dan terus menetap di sana. Namun tidak semua kemanisan kata akan menjelmakan makna yang manis juga. Rupa-rupanya itu hanyalah jawapan daripada seorang penipu.

Selang tiga bulan kami berniaga, aku terpaksa berhenti kerja kerana kasihan melihat Mariana dan Saik menguruskan restoran itu. Namun, sesuatu yang di luar jangkaan telah berlaku. Kami mendapat notis daripada Majlis Perbandaran Selayang supaya mengosongkan restoran tersebut kerana akan berlaku pengambilan semula tanah di tepi jalan itu untuk pihak kerajaan melaksanakan projek lebuh raya. Kami terpinga-pinga. Rupa-rupanya kesemua peniaga di kawasan tersebut telah pun dibayar pampasan untuk mengosongkan premis mereka. Tanah tersebut sebenarnya milik kerajaan dan permit perniagaan diberi atas dasar sementara (tanah TOL).

Wahab sudah ghaib entah ke mana... dan banyak 'along' yang singgah ke restoran kami mencarinya. Rupa-rupanya Wahab adalah seorang yang bermasalah dan dengan menjual restoran tersebut, dia dapat melarikan diri daripada peminjam-peminjam wang! Dan kamilah mangsanya...

Kegagalan perniagaan pertama memberi banyak pengalaman kepadaku. Namun tanpa rasa putus asa, aku mencuba pula berniaga di Parcel D, Precint 1 Putrajaya, ketika bangunan Kerajaan Persekutuan itu mula-mula diduduki. Berniaga di Putrajaya kurasakan lebih perit daripada berniaga di Sungai Buloh dahulu kerana aku melakukannya bersendirian. Seawal jam 2.00 pagi aku sudah ke Pasar Borong Selangor. Balik dari pasar, terus aku menyediakan bahan-bahan untuk kumasak dan seterusnya kubawa ke Putrajaya.

Meskipun hanya menjual aneka mee dan nasi ayam, sebenarnya bekerja secara bersendirian memang memenatkan. Akhirnya aku terpaksa juga mengambil seorang pembantu untuk meringankan tugasku. Meskipun pada mulanya perniagaan agak *okay*, tetapi apabila masuk tahun kedua, pihak pengurusan menaikkan sewa kepada RM3,500. Berniaga di jabatan kerajaan yang mana pekerja-pekerja hanya turun sarapan dan makan tengah hari sahaja, maka sewa RM3,500 bagi 26 hari berniaga sememangnya tidak berbaloi.

Dalam menghadapi suasana sebegitu, seorang teman bernama Kamarudin mengajak aku bersamanya untuk menubuhkan sebuah syarikat pembekalan bagi agensi-agensi kerajaan kerana dia telah berhenti secara sukarela (VSS) daripada Warner Bros Malaysia. Tanpa berlengah, aku pun

melangkah pergi dari Putrajaya. Tidak perlulah aku bertahan kerana semua itu akan meningkatkan kerugian disebabkan sewa premis yang mahal itu.

Memandangkan aku tidak memiliki modal untuk kulaburkan ke dalam syarikat, aku serta Razi, menjadi *associate* Kamaruddin dan menubuhkan syarikat BigAdam Sdn. Bhd., bermula dari kosong sehinggalah syarikat itu mampu memperoleh projek bernilai jutaan ringgit. Ketika itu terasa segala penat lelah berbaloi menjalankan perniagaan sedemikian. Klienku semakin ramai, dan aku telah belajar segala selok-belok perniagaan pembekalan semasa berada bersama BigAdam.

Bagaimanapun, tidak kuduga bahawa panas tidak sampai ke petang. Aku berpisah daripada BigAdam kerana beberapa hal yang peribadi sifatnya. Terpisahlah Kamarudin, Razi dan aku yang pernah sama-sama menghadapi saat pahit manis perjuangan kami. Razi dengan jalannya, aku dengan jalanku dan Kamarudin meneruskan aktiviti BigAdam bersama rakan kongsinya yang baru. Namun kami tetap bersahabat seperti biasa, apabila persengketaan dapat kami leraikan.

Daripada pengalaman yang kukutip bersama BigAdam, aku dan adikku, Cham, memulakan jenis perniagaan yang sama pada 6 September 2005. Kami namakan syarikat kami

Brilliant Periscope Sdn. Bhd. Melalui Brilliant Periscope Sdn. Bhd., kami mendapati bahawa bakat kami amat menyerlah di dalam bidang pemasaran. Meskipun kami memulakan perniagaan dengan modal yang kecil, akhirnya seperti juga BigAdam, Brilliant Periscope Sdn. Bhd. berjaya meletakkan nama sebagai salah sebuah syarikat SME yang aktif menjalankan kerja-kerja pembekalan di Petronas serta jabatan-jabatan kerajaan di seluruh Malaysia.

Rezeki daripada perniagaan sesungguhnya sembilan daripada sepuluh pintu rezeki, berbanding dengan kerja makan gaji. Itulah yang aku rasakan dan yakini sesungguhnya. Aku dan Cham meningkatkan diri setingkat lagi apabila kami bergelar usahawan wanita. Dunia perniagaan bagaikan telah mencipta dunia baharu bagi kami berdua.

Oleh kerana usaha kami yang tak pernah mengenal rasa jemu, syarikat kami berjaya menjadi wakil kepada tiga buah syarikat antarabangsa. Satu berpangkalan di Singapura, Fleming Safety Ptd Ltd bagi pembekalan pakaian keselamatan (Personal Protective Apparels), satu lagi berpangkalan di Lincolnshire, United Kingdom (VCS International) sebuah syarikat yang membekalkan dan melatih baka anjing-anjing pencari dan penyelamat (Fire Investigation Dogs, Urban Disaster Dogs, Water Rescue Dogs dan Cadaver Search Dogs). Sebuah lagi syarikat yang kami wakili ialah International Rescue Training Center, Wales yang

menyediakan latihan-latihan bagi kerja-kerja penyelamat dengan menggunakan helikopter, bot penyelamat dan lain-lain mekanisme canggih. Dari sebuah syarikat pembekal yang bermula dari bawah, akhirnya aku dan Cham menerajui sebuah syarikat yang mengendalikan pembekalan dan kerja-kerja penyelamat... sesuatu yang di luar dugaan.

Bermulalah dunia baharu kami – yang terpaksa berdamping dengan syarikat minyak (PETRONAS, SHELL & EXXON MOBIL) dan jabatan-jabatan kerajaan yang memerlukan khidmat yang jarang diberikan oleh syarikat syarikat lain. Klien syarikat 90 peratus di Jabatan Bomba, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia, Kastam dan Polis Marin. Dengan itu kami juga terpaksa menjalani latihan-latihan lasak seperti lelaki.

Kerana tugas, aku dan Cham banyak kali berulang-alik ke luar negara. Adakalanya kami mengambil kesempatan untuk terus melancong dan memenuhi impian kami untuk melihat dunia. Adakalanya, apabila aku duduk bersendirian, memikirkan waktu-waktu kecilku dahulu yang selalu berjalan kaki dari sekolah pulang ke rumah, kemudian dari sekolah ke rumah semula... ini semua seperti suatu mimpi.

Kalau dulu, aku hanya berkhayal apabila sahabat-sahabat pena bercerita tentang indahnya musim bunga, tentang sejuknya musim salji, tentang segala keindahan... kini

aku telah menyaksikan segala keindahan itu dengan mata kepalaku sendiri.

Akulah seorang gadis kecil yang dahulunya membina impian untuk keluar daripada kemiskinan... hari ini menyusuri musim bunga di Seoul... melihat bunga sakura menyemarakkan warna pada setiap pohon dan menggugurkan bunganya di sepanjang jalan. Aku telah menjejaki puncak Banjaran Alps dan bermain salji, aku belayar di Tasik Como, Itali yang indah dan membeli belah di Milan. Menikmati romantisnya Menara Eiffel di Paris dan indahnya ladang anggur di Vevey. Malah mendaki Tembok Besar Negeri China. Pernah juga aku dibakar matahari yang terik di Dubai dalam suhu 50 darjah celsius. Ya Allah, aku mengagumi Kaabah yang terbentang di depan mataku, mengagumi Taj Mahal yang begitu sempurna binaannya, mengagumi terlalu banyak ciptaan di bumi Allah.

Telah jauh aku pergi, hampir 40 bandar di dunia telah aku jejak. Bukan setakat di Eropah, malah aku juga mengambil peluang ke negara-negara Timur Tengah dan Asia untuk melihat budaya dan tamadun mereka.

Ya Allah, syukur alhamdulillah di atas semua anugerah dan kemewahan ini.

CERITA 9

MENCARI ILMU

DAHULU waktu sekolah, akulah pelajar paling nakal yang paling malas. Apabila usia semakin meningkat, dan apabila pengalaman semakin bertambah, aku merasakan perlunya aku mempertingkatkan ilmu. Apalah ertinya memiliki Diploma Sains Kesetiausahaan dan Diploma Komunikasi Pemasaran sedangkan hidup yang dihadapi memerlukan lebih daripada itu.

Aku belajar bukanlah untuk semata-mata lulus peperiksaan, namun bagiku proses pembelajaran akan menjadi sesuatu yang amat bernilai pada kemudian hari dalam mengharungi liku-liku kehidupan yang tidak terjangkakan apa yang menanti di hadapan. Begitulah, akhirnya aku mengambil keputusan untuk menyambung pengajianku di bidang perubatan.

Bidang Perubatan? Mustahil seorang pelajar aliran sastera boleh belajar perubatan – itu kata orang. Hakikatnya, mencari ilmu itu terpulanglah kepada usaha kita. Bila pula aku meminati bidang perubatan? Banyak juga orang sekelilingku yang mengenaliku, kehairanan.

Sebenarnya, apabila nenek mula sakit-sakit, akulah yang sering menjaga nenek di hospital. Ketika itu aku masih bekerja di City Villa Kuala Lumpur. Setelah nenek meninggal dunia, sakit mak pula melarat, sehingga mak menjadi seperti sayur – terbaring saja seharian, tidak berdaya berbuat apa-apa hatta bangun daripada pembaringannya. Saat-saat mak sakit, dia selalu merindukan arwah bapak yang telah pergi terlebih dahulu daripadanya. Bapak meninggal pada usianya 59 tahun... mak menjadi seorang wanita yang hilang tempat bergantung, hilang tempatnya bermanja dan sakitnya semakin melarat.

Ketika mak sakit teruk, akulah yang mula-mula menjaganya. Ketika itu aku masih menetap di Melaka. Bermacam-macam ikhtiar yang kulakukan untuk menyembuhkan mak. Daripada doktor kepada bomoh, kepada tukang urut, kepada *acupuncture* dan akhirnya ke Sinseh (perubatan Cina). Akulah yang memandikan mak setiap pagi dan terasa amat sedih apabila melihat keadaan mak yang sakit itu. Mak tidak berdaya walau hendak menyikat rambutnya sendiri dan akulah yang akan menyisir rambut mak. Pernah mak berkata kepadaku, pada saat-saat aku menyisir rambutnya...

“Aya, mak minta maaf. Selama ini mak selalu sisihkan Aya.”

Air mataku bergenang, terkenangkan suatu ketika dahulu hubungan kami amat tegang.

“Mak tak sangka, sekarang ini, rupa-rupanya Aya yang jaga mak. Aya yang mandikan mak dan sikatkan rambut mak.”

Saat-saat yang menyayukan itu kukenang-kenang sehingga kini. Kalau boleh aku ingin mengubati mak sehingga mak sembuh. Keadaan mak akhirnya beransur pulih dengan menggunakan ubat Sinseh. Mak kemudiannya pulang ke rumahnya di Sungei Way, dan aku kembali menjalankan tugasku seperti biasa.

Dua tahun selepas mak sembuh, mungkin kerana tidak mengatur dietnya dengan baik di rumahnya sendiri, mak kembali terlantar sakit. Aku membawa mak pulang ke rumahku di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras. Ketika itu aku berniaga di Putrajaya. Mak sering menangis melihat aku bekerja keras ketika berniaga di Putrajaya itu. Aku memberitahu mak supaya tidak perlu risau akan keadaanku itu. Aku tidak boleh membebankan suamiku untuk membelikan ubat-ubat untuk emak. Aku mesti mencari pendapatan sendiri kerana mak di bawah tanggunganku. Aku juga perlu membayar hutang kepada bank akibat kerugian di Restoran Sungai Buloh dulu. Ya, hidup ini perlu di teruskan. Mesti. Tidak dapat tidak.

Meskipun mak terkebil-kebil mendengar penjelasanku, aku tahu bagaimana perasaan mak apabila tinggal di rumahku. Sebagai ibu, mak seboleh-bolehnya tidak mahu menyusahkan anak-anaknya. Namun, kerana mak sakit, aku telah menghadiri pelbagai seminar perubatan. Aku perlu tahu apa yang dapat aku lakukan untuk aku mengembalikan kesihatan mak seperti sedia kala.

Alhamdulillah, akhirnya mak sembuh dengan pengambilan makanan berteknologi tinggi (*high-tech nutrition*) daripada E. Excel, sebuah syarikat yang diterajui oleh saintis dari Taiwan yang berpangkalan di USA dan memiliki hospital di Camden Medical Center, Singapura. Aku menghadiri seminar Nutritional Immunology setiap minggu tanpa jemu. Aku mempelajari tentang diet dan sistem imunisasi manusia dan bagaimana mengenalkan kesihatan melalui SEED (Sleep, Emotional Stability, Exercise & Diet). Melalui amalan SEED, alhamdulillah mak kembali sihat dan akhirnya mak mahu tinggal dengan kakakku, Atie.

Semasa aku bertugas di City Villa Kuala Lumpur, salah satu daripada *client* yang sering menggunakan Dewan Seminar adalah Persatuan Perubatan Homeopathy Malaysia. Semenjak belajar Nutritional Immunology, terdetik hatiku untuk mengenali lebih dekat tentang perubatan homeopathy. Kebetulan suatu ketika dulu, ketika aku masih

di City Villa, aku pernah mendapat rawatan daripada Dr. Alias Azhar dan alhamdulillah aku sembuh dengan sempurna menerusi rawatan homeopathy.

Bertitik tolak dari situ, aku mengambil kursus Diploma Perubatan Homeopathy pada tahun 2004 sesudah aku berpisah daripada BigAdam. Pada tahun 2005 pula, meskipun aku sudah memulakan perniagaan di Brilliant Periscope, aku mengambil cuti untuk belajar. Setelah tamat Diploma aku menyambung pengajian ke peringkat Ijazah yang memerlukan aku ke Fakulti Perubatan Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia. Medan akhirnya menjadi rumah kedua bagiku dan aku menjadi 'betah' belajar di Medan.

Setelah aku memperoleh ijazah (Bachelor in Homeopathic Medical Science), aku menyambung lagi pelajaran di SAHAAM (Society For The Advancement of Hormones & Healthy Aging Malaysia) dengan pengkhususan Anti-aging & Bio Identical Hormone. Dengan silibus yang sangat padat sepanjang tahun dan juga yuran yang menjangkau RM12,000, aku tetap meneruskan pengajianku itu. Aku merupakan satu-satunya Doktor Homeopathy, sedangkan yang lain adalah doktor-doktor *Alopathy (Medical Doctor)*, dua orang *Nutritionist* dan seorang *Psychotherapist*.

Selain daripada *bio-hormone therapy*, aku juga turut menghadiri kursus jangka pendek dengan ACNEM (*Australiasia College of Nutrition and Environmental Medicine*) dalam bidang Nutrition and Environmental Medicine.

Melalui bidang perubatan, aku mengenali sifuku Dr. Satvinder Singh Pillay (pakar *anti-aging*), *business partner*ku Dr. I.S. Ludher (*family medicine*) dan ramai lagi teman yang lain.

Selain itu, minatku yang mendalam terhadap perubatan Ayurveda juga telah membuatkan aku turut belajar daripada Dr. Lokman sehingga selesai kursus yang mengambil masa lima bulan (dua kali setiap minggu).

Dengan ilmu yang kumiliki itu, aku membantu anakku, Ima, menjadi pakar perunding di Spa dan klinik kami untuk rawatan anti-penuaan melalui *homeopathy*, *bio-identical hormone* dan *naturopathy*. Aku juga membantu Dr. Ludher untuk merawat pesakit-pesakit kronik di klinik kami di ReGen Clinic, Jalan Sepadu, di Klang Lama.

Selagi ada hayat ini, aku tidak akan berhenti mencari dan menimba ilmu. Kini usia pun sudah semakin meningkat, maka wajiblah pula aku mencari ilmu akhirat dan bersedia untuk bekalan hari kemudian.

CERITA 10

AWET MUDA

BANYAK orang bertanya, “Apa rahsia awet muda Dr. Suraya? Sudah bercucu tapi nampak jauh lebih muda daripada usia.”

Alhamdulillah, itulah suatu lagi kelebihan yang Allah SWT kurniakan kepadaku. Meskipun sudah setengah abad dipinjamkan usia ini, dan anak-anak pula sudah dewasa - tiga daripadanya sudahpun berumah tangga dan cucuku juga sudah ada dua orang, namun tubuh dan wajahku kelihatan masih tidak menggambarkan usiaku yang sebenar.

Kemungkinan aku kelihatan muda adalah kerana genetik, juga kerana penjagaan dalaman dan luaran yang kuamalkan semenjak usiaku belasan tahun. Masih kuingat, arwah Nenek Piah memiliki kulit tubuh yang mulus seperti gadis, walaupun usianya sudah melangkaui 60 tahun. Hanya kelihatan sedikit garis-garis halus yang ada pada wajahnya yang sentiasa dihias kemas itu. Rambut nenek hitam lebat daripada amalan menyapu minyak kelapa dara.

Mak juga begitu. Walaupun tubuh mak agak berisi, tetapi mak mempunyai kulit yang tegang dan bersih. Walhal mak tidak pun menjaga kulitnya sepertimana Nenek Piah

memanjakan diri. Ketika mak sakit, rambutnya banyak yang gugur, mak menutup kepalanya dengan serkup kepala – namun tiada kedutan yang banyak pada wajah mak.

Alhamdulillah, kini pada usiaku 50 tahun, aku juga mewarisi kulit yang bagus, meskipun tidak se bagus dan semulus kulit nenek. Aku telah dilatih menjaga kulit wajah sejak kecil – selalu mencuci muka dengan pembersih, menyegarkan kulit dengan air limau setelah membersihkan dan memakai pelembab muka. Nenek sentiasa memakai *Hazeline Snow*. Jadi aku juga menggunakannya sejak darjah 6 hingga tingkatan 5. Apabila sudah agak dewasa, pelbagai lagi jenama krim penjagaan kulit ada di pasaran, namun tiada yang dapat menandingi harga *Hazeline Snow* yang memang termampu dibeli oleh semua golongan. Jika aku benar-benar tiada wang untuk membeli krim muka, aku akan mengoles bedak sejuk dan sesekali meletakkan pupur timun atau ubi kentang saja pada wajahku. Itulah amalan sewaktu zaman anak dara.

Sesusah mana pun hidup, aku tak pernah sekali pun melalaikan penjagaan kulit wajah dan tubuh. Sebenarnya, bukannya memerlukan kos yang besar untuk menjaga kecantikan secara amali. Apa yang penting adalah kerajinan, ketekunan dan amalan berterusan. Setidak-tidaknya buatlah lulur daripada beras dan gosokkan pada seluruh tubuh. Untuk *scrub* wajah, jika tidak mampu sekalipun, gunakanlah

gula pasir yang halus. Banyak petua yang boleh dibaca di dalam majalah dan akhbar tentang penjagaan kulit secara amali.

Oleh kerana aku merasakan pentingnya menurunkan rahsia kecantikan yang sering menjadi pertanyaan itu, kali ini segalanya kubentangkan satu persatu untuk semua yang membaca buku ini.

Kecantikan itu bermula dari dalam. Dari hati yang bersih terpancar wajah yang berseri. Dari jiwa yang tulus, lahirlah wajah yang bercahaya. Setiap yang baik membias cahaya kecantikan. Kerana itu hidup mesti selalu positif. Walau bergulung ombak kehidupan, orang yang positif akan sentiasa mencari sesuatu yang baik dan memaafkan sesuatu yang buruk. Kerana itu juga adakalanya seorang wanita atau lelaki yang sentiasa disenangi tidak semestinya mempunyai wajah yang cantik atau tampan. Namun aura ketulusannya terpancar pada wajahnya. Ketulusan, keikhlasan, kejujuran bukanlah kita yang menilainya; hanya Allah yang lebih mengetahui. Ketulusan, keikhlasan dan kejujuran itu bagai semut hitam di atas batu hitam pada malam yang gelap. Maka serahkan sahaja kepada Allah untuk menilainya; kita sebagai manusia jangan berhenti daripada memberi kebaikan kepada orang lain. Berbaktilah kepada keluarga, teman-teman, dan orang yang memerlukan. Jadilah obor yang menerangi orang lain, bukan lilin yang membakar diri.

Sesungguhnya kita tidak akan pernah jatuh miskin sekiranya kita menghulurkan bantuan kepada orang lain. Jika tidak dapat memberi bantuan kewangan, berilah sokongan dari segi moral atau dengan tulang empat kerat kita. Ada orang yang memerlukan seseorang untuk mendengar keluhan mereka. Menjadi pendengar yang baik pun adakalanya sudah cukup bererti bagi seseorang yang memerlukan. Apabila kita menjaga ketulusan hati, Allah memberi sinar cahaya agar wajah kita berseri-seri dipandang.

Apabila tubuh pula dipelihara dengan sempurna dari segi dalamnya, kulit akan menjadi bersih, kekotoran yang tersumbat dalam setiap ruang dan rongga, salur darah dan salur limpatik akan keluar dengan sempurna. Dari itu kita harus mengenal diri kita – Allah menjadikan manusia begitu sempurna (Subhanallah, ketika aku membedah mayat dalam pelajaran Anatomi di Fakulti Perubatan, menitis air mata melihat kebesaran Ilahi. Betapa sempurnanya Allah menjadikan kita sebagai manusia).

Segala yang tidak elok perlu dikeluarkan daripada tubuh. Masalah bermula dari perut. Sistem penghadaman yang tidak sempurna mengakibatkan tubuh badan mengalami banyak penyakit. Maka latihlah perut untuk membuang air besar setiap pagi. Memang boleh dilatih – percayalah. Untuk memudahkan membuang air besar, jangan kurangkan

meminum air. Tiga liter sehari paling sempurna. Jika tak mampu, sekurang-kurangnya lapan gelas. Manusia mempunyai saluran limpatik yang mengkumuhkan semua bahan yang tidak berguna daripada tubuh. Meskipun ia seiring dengan saluran darah, tetapi jumlahnya adalah empat kali ganda lebih banyak. Saluran limpatik ini diibaratkan seperti longkang yang akan membawa segala jenis kekotoran. Bayangkan, jika tidak cukup air, longkang-longkang ini akan tersumbat dan membawa masalah. Apabila saluran limpatik tersumbat, badan mula berbau kurang enak kerana toksid bertakung di nodul limfa (*lymp nodes*) dan akhirnya berbagai-bagai penyakit akan muncul.

Rajin-rajinkan diri memakan buah-buahan yang kaya dengan serat. Terdapat dua jenis serat – serat larut dan serat tidak larut (*soluble and unsoluble fiber*). Serat larut datangnya daripada buah-buahan, terutamanya betik dan pisang. Serat tidak larut adalah buah-buahan atau bijirin yang sukar hadam dan ia akan bertindak sebagai berus yang membersihkan dinding usus (misalnya, epal, jagung, hampas *psyllium* dan lain-lain).

Perut dan usus adalah dua tempat yang berbeza. Jika terdapat masalah di dalam perut, tempatnya adalah di bahagian atas abdomen. Asid perut sangat penting untuk proses penghadaman, dan jangan sesekali makan berulamkan air. Sebaik-baiknya makan buah-buahan terlebih

dahulu, terutama nanas, kerana nanas mengandungi bromelin yang dapat membantu penghadaman. Jika tidak suka nanas, makanlah sebarang buah-buahan sebelum kita menjamah makanan berat kerana buah-buahan atau sayuran mentah mempunyai enzim yang menyediakan perut kita untuk proses penghadaman.

Jika usus yang mengalami masalah, biasanya akan timbul pula masalah sembelit ataupun najis yang terlalu teruk baunya. Jika memakan makanan berserat tetapi kurang memberi kesan, maka ambillah probiotik setiap hari. Ini bermakna kita telah kekurangan 'bakteria baik.' Apabila koloni bakteria yang jahat mengatasi bilangan bakteria baik, usus akan bermasalah. Semua saluran terbuka akan bermasalah juga (alat sulit, dubur, kelenjar peluh, hidung dan mata). Tempe adalah antara sumber probiotik dan enzim yang sempurna. Amalkan memakannya. Jika tidak suka makan tempe tetapi mampu membeli *supplement*, belilah probiotik untuk kegunaan kita setiap bulan.

Apabila perut dan usus bermasalah, toksin akan keluar ke kulit. Itu adalah proses semulajadi. Setiap apa yang tidak baik itu mesti dikeluarkan dan kulit adalah organ yang paling besar dan paling mudah mengeluarkan penyakit dari dalam. Kerana itu kesihatan dalaman membawa kepada kecantikan kulit. Makanan yang baik boleh membuat kulit cerah dan

cantik. Makanan yang tidak baik membuat kulit kusam dan hilang serinya.

Bagi ahli keluargaku – suami, anak-anak serta pembantu rumah, amalan penjagaan tubuh dan kesihatan diriku bukanlah menjadi rahsia lagi. Selain perkara-perkara yang diterangkan di atas, sememangnya ritual pagi tidak pernah aku abaikan.

1. Minum air putih sebaik sahaja bangun daripada tidur (sebelum menggosok gigi).
2. Membersihkan mulut – menggosok gigi, *scrub* lidah dan kemudian berkumur-kumur dengan minyak kelapa dara selama lima minit.
3. Membersihkan muka – mencuci muka setiap hari, *scrub* muka selang tiga hari.
4. Melumurkan minyak pada seluruh badan menggunakan minyak kelapa atau minyak zaitun sebelum mandi.
5. Membuang air besar. Kemudian melakukan *anema* (iaitu memasukkan air ke dalam dubur supaya mencuci saki baki kekotoran dari dalam usus).
6. Selesai *anema*, mesti mencuci rambut terlebih dahulu. Setelah membilas rambut, barulah diletakkan pelembab ataupun *masker* rambut agar dapat dibiarkan sepuluh minit di atas kepala.

7. Semasa *masker* rambut sedang 'bertugas' memperelokkan keadaan rambut, minyak yang disapukan pada badan tadi sudah pun larut, dan kulit sudah cukup bersedia untuk *discrub*.
8. Gunakan *scrub* beras. Cara membuatnya mudah, hanya kisar beras yang sudah dibersihkan (dicuci dan dijemur terlebih dahulu). Beras kisar tersebut perlu disimpan dalam bekas kedap udara. Apabila hendak mandi, gunakan tiga sudu beras kisar tersebut, masukkan sedikit garam ataupun susu jika hendakkan tubuh menjadi putih. *Scrub*lah seluruh tubuh sehingga daki-daki pada badan terhakis semuanya.
9. Selepas *scrub*, mandilah menggunakan air sejuk. Bermula dari kaki dan berakhir di atas kepala. Selawat tiga kali. Bersihkan *masker* rambut. Tubuh kini sudah bersih sepenuhnya.
10. Ambillah wuduk untuk solat Subuh.
11. Selepas solat Subuh, badan masih lembab dan biasanya aku akan melumurkan *bio-oil* agar kelembutan dan kelembapan kulit terpelihara.
12. Selesai melumur minyak pada badan, selesaikan mengoles wajah dengan penyegar, pelembab dan *sun-block*.
13. Selesailah semuanya, maka bolehlah berpakaian.

Proses membersihkan diri ini mengambil masa hampir dua jam. Oleh sebab itu mesti bangun tidur awal. Jika tidak,

semua orang di rumah akan mengeluh menanti kita yang tidak keluar-keluar dari bilik air.

Mulakan sarapan pagi dengan mengambil minuman enzim yang terbaik. Dulu sewaktu pembantu rumahku yang pertama masih ada, dia sangat rajin menyediakannya setiap hari untukku. Aku mengajarkannya cuma sekali dan dia sudah tahu itulah ramuan kesihatan paling penting untukku.

Ambil segenggam pengaga dengan akarnya sekali (beli di pasar), dibersihkan dan kemudian pengaga itu dikisar bersama sedikit kunyit hidup, sedikit garam bukit atau garam buluh (*bamboo salt*), sedikit minyak zaitun dan sebiji tomato. Minumlah sebaik sahaja dikeluarkan daripada mesin pengisar.

Jika ada wang lebih, dan mampu untuk membeli *supplement*, apa yang paling penting bagi wanita adalah minyak ikan yang kaya dengan Omega 3. Yang lain-lainnya boleh kita ambil daripada makanan.

Itulah sedikit sebanyak amalan yang sentiasa kupraktikkan selama bertahun-tahun. Hasilnya memang memuaskan, walaupun kadangkala suami mengeluh kerana aku terlalu lama di dalam bilik air!

Sebagai tambahan, penjagaan gigi juga amat penting. Rahsia penjagaan dan pemutihan gigiku hanya dengan menggunakan serbuk bikarbonat soda yang berharga RM1.00. Cubalah, ianya selamat dan berkesan. Untuk rambut, sebulan sekali aku melumur minyak kelapa dara sebelum tidur dan mencucinya keesokan paginya.

Bagi mereka yang mampu mengikuti petua-petua ini, rajin-rajinlah melakukannya kerana tubuh akan menunjukkan reaksi positif hanya setelah sepuluh tahun kita mengamalkannya. Tiada penyakit yang datang tiba-tiba, segalanya bermula sedikit demi sedikit. Begitu juga hasil awet muda, daripada amalan yang bertahun-tahun itu akhirnya kita dapati, berbaloi mengamalkannya.

CERITA 11

UJIAN TUHAN

APABILA Allah menyayangi kita, Dia akan menguji keimanan kita. Setiap manusia akan diuji. Ujian Allah berbeza-beza dan Dia tidak akan memberikan sesuatu yang tidak berupaya ditanggung oleh hamba-Nya.

Aku percaya dan yakin, segala yang baik datang daripada Allah, segala yang buruk adalah natijah daripada perbuatan manusia sendiri. Jadi aku akur dengan apa yang Allah turunkan kepadaku.

Ketika muda, Allah mengujiku dengan kemiskinan, namun daripada kemiskinanlah aku bangkit untuk mencapai bintang. Ketika usia rumah tangga agak matang, aku diuji dengan kehadiran orang ketiga, pun dapat juga kami tangani bersama kerana percaya bahawa sikap memahami dan memaafi itu adalah sangat penting di dalam melayari bahtera rumah tangga.

Ketika aku bekerja, aku diuji dengan pelbagai karenah pekerja, kawan-kawan, peminat fanatik dan cabaran-cabaran hebat dalam tugas itu sendiri. Segala-galanya terlerai satu

persatu, segala-galanya menjadi pengalaman dan pelajaran baru dalam hidup.

Setelah lama berniaga pula, ujian Allah datang lagi dengan musibah yang memeritkan. Dianiaya oleh sahabat sendiri, sehingga melibatkan wang yang hampir RM1 juta. Ketika itu kita mengenali siapakah sahabat-sahabat sejati kita. Kita mengenali sejauh manakah kemampuan kita mengatasi segala ketentuan Allah dan akhirnya redha dan menyerahkan segala-galanya kepada Sang Pencipta.

Apabila usia meningkat, Allah menguji diriku dengan penyakit-penyakit yang sukar disembuhkan dan menuntut kesabaran yang tinggi. Pertama, aku didiagnosa mempunyai kelainan ligamen dan rawan tulang OPLL (*Ossification of Protruding Longitudinal Ligament*), suatu penyakit sangat terencil dan hanya menyerang orang yang berketurunan Cina atau Jepun. Ubatnya hanyalah *physiotherapy* dan tidur di atas katil yang keras. Maka terpisahlah tidurku daripada suami semenjak tahun 2008. Segala ikhtiar kulakukan, alhamdulillah keadaan begitu terkawal.

Kini sekali lagi aku diuji dengan penyakit berbahaya – kanser rahim. Segalanya mungkin berlaku akibat *stress* yang hebat tetapi aku tetap pasrah menanganinya dengan fikiran yang positif dan baik sangka kepada Allah SWT. Habis sudah wang beribu-ribu ringgit untuk tujuan perubatan dan

masa juga 'terbuang' ketika proses memasukkan ubat-ubat anti-barah selama lima (5) jam seminggu. Itulah rupanya satu lagi pengalaman yang terlalu tinggi nilainya berbanding ringgit. Setiap kesakitan adalah kafarah. Aku tetap bersyukur kerana diberi perhatian dan kasih sayang oleh seluruh ahli keluarga dan sahabat handai yang sentiasa menghiburkanku. Kerana perhatian dan kasih sayang itulah, semangatku tidak pernah luntur untuk terus berjuang menghadapi hidup dan kehidupan ini.

Aku juga kini menjadi lebih berilmu kerana tidak habis-habis menjalankan *research* tentang penyakit barah dan cara-cara pengobatannya. Aku juga menjadi lebih cekal daripada sebelumnya dengan sokongan orang paling dekat denganku – suamiku Mazlan, adikku Cham, sahabat-sahabat karibku Ruziah, Haslinda, Aizul dan Suriati serta Dr. Alias Azhar - guru, perawat dan 'adik'ku. Disebabkan penyakit inilah juga aku temui sahabat-sahabat baru yang istimewa.

Aku percaya, bahawa Allah ingin aku kembali kepada-Nya. Dia ingin menyucikan jiwaku dan memberi peluang untuk aku menjadi insan yang lebih baik sebelum aku pergi.

Percayalah, hanya Dia yang mengetahui segala rahsia alam. Usah berburuk sangka terhadap setiap ujian Allah. Setiap yang didatangkan-Nya itu tersimpan rahsia paling

dalam. Aku redha, aku pasrah, aku berserah, aku berusaha, semoga kesembuhan masih ada buatku.

Dengan kesedaran bahawa manusia pasti kembali kepada Sang Pencipta, aku menulis buku ini agar pada suatu ketika nanti, mungkin 30 tahun lagi, cerita-cerita yang kukisahkan ini dapat menjadi teladan kepada anak-anak cucu-cicit-piutku di dalam membina kehidupan mereka. Kehidupan ini terlalu indah, benar. Namun kita pasti akan meninggalkannya pada suatu ketika nanti. Dan apabila kita tiada, biarlah kita menjadi teladan yang baik untuk generasi yang akan datang.

CERITA 12

SAHABAT

DARIPADA ribuan manusia yang kita kenal, yang datang dan pergi di dalam hidup kita, pasti ada yang ditakdirkan menjadi 'sahabat' kita. Hidup ini dapat diibaratkan seperti suatu ruang yang kita cipta sendiri. Jika kita mahukan ruang hidup ini semakin besar, kita harus bergerak dari suatu pangkalan ke satu pangkalan. Pada setiap pangkalan yang kita singgah itu, pasti ada banyak manusia yang hadir di dalam ruangan yang berbeza itu.

Dari Kampung Pasir, aku temui sahabat pertamaku, Wa. Dia yang mengajarku erti hidup yang paling awal. Bermain, bergaduh, mencari keseronokan baru setiap hari, ketawa dan menangisku banyak kerana dia. Dengan Wa aku belajar menangkap ikan, dengan Wa aku belajar menunggang basikal, dengan dia juga aku menjadi seorang budak nakal dan memahami bahawa menjadi budak nakal adalah lebih seronok daripada menjadi budak yang baik dan mendengar kata.

Di rumah mak, Zul jiranku adalah teman bermain yang menggantikan Wa. Apabila mula bersekolah, dengan Sarah aku belajar hidup. Sarah yang selalu gembira walaupun

hidupnya banyak kekurangan. Aku banyak belajar menjadi orang yang bersyukur daripada Sarah, aku belajar bermacam-macam perkara yang menyeronokkan daripadanya – bermain masak-masak dengan api yang sebenar. Kali pertama aku bermain masak-masak di belakang rumahnya, dia mengajarku membuat tungku dapur daripada tiga biji bata merah. Kemudian dia mengajarku cara membuat dapur dengan ranting-ranting kayu dan mencurah sedikit minyak gas (kerosin). Dia mengambil tudung periuk lama untuk dijadikan kual. Kami membuat lempeng dan sambal di atas ‘kual’ kami dan kami benar-benar menikmati lempeng dan sambal yang Sarah ciptakan. Selepas pelajaran pertamaku dengan Sarah, aku bermain masak-masak di belakang rumah dan membakar bermacam-macam lagi perkara yang tidak masuk dek akal (seperti mencurah kerosin di atas tanah hingga berkeliaran cacing-cacing dan ulat-ulat dari dalam tanah yang kemudiannya kubakar. Akhirnya, aku dirotan mak kerana perlakuanku itu hampir saja membuatkan rumahku terbakar!)

Kemudian datang lagi sahabat-sahabat yang baik dalam hidupku seperti Rosnah Shawal – teman yang sama-sama mengaji di Madrasatul Rahmah, Sungei Way. Rosnah yang jauh lebih beruntung kerana mempunyai ibu bapa yang penyayang, berbanding ibu bapaku yang garang, sibuk dan tidak suka melayan kata-kataku. Rosnah memang baik hati dan selalu mengajak aku makan di rumahnya. Ketika kami

dara sunti, Rosnah juga yang menolongku menaip puisi-puisi dan menghantarnya ke majalah. Rosnah yang selalu berusaha untukku, seorang sahabat yang sangat prihatin, baik hati dan sedikit pun tidak nakal seperti Wa atau Sarah.

Daripada kedaifan hidup, aku mengenali teman-teman – Suhaili Saadon dan Faudzliffah yang datang dari latar hidup yang berbeza daripada diriku. Menziarahi rumah Suhaili di Kampung Tunku membuatkan diri terasa kerdil. Meskipun Suhaili dari kalangan orang berada (anak kepada Dato' Saadon Noh dan ibunya adalah guruku di Sekolah Sri Petaling, Puan Hawa Jeti), tetapi tiada sedikit pun terpancar kesombongan dalam dirinya.

Faudzliffah juga mempunyai ibu bapa yang penyayang dan baik hati. Kekayaan keluarga Faudzliffah ketika itu telah menjadi *bench-mark* yang sentiasa aku angan-angankan. Banyak yang kupelajari daripada Faudzliffah, terutama bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan sempurna.

Suhaili dan Faudzliffah mengajarku bahawa bukan semua orang kaya itu sombong. Bukan semua yang datang daripada keluarga berada itu membenci orang miskin. Kesombongan juga boleh datang dari jiwa orang miskin, kejahatan juga banyak datang daripada kemiskinan, kebaikan terletak pada hati dan bukan pada kedudukan material seseorang.

Ketika melalui 'kegemilangan' zaman gadis, Norzilawati (Norzie) menjadi sahabat baikku. Dengan Norzie aku bersolat bersama-sama. Ketika itu Norzie tidak pernah melihat aku bersolat (aku mempunyai hati yang keras ketika itu) dan mengajakku bersolat bersamanya. Ada suatu ketika aku sering sakit kepala dan mak tidak punya masa untuk membawaku ke hospital. Norzielah yang membawaku ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Dialah yang duduk menunggu giliran denganku dari pagi hingga ke petang. Dan oleh kerana aku mempunyai masalah ketumbuhan di dalam kepala, dia juga yang selalu menemaniku ke Hospital Besar Kuala Lumpur sehingga aku sembuh sepenuhnya ketika aku berada di dalam tingkatan 5. Walhal ketika itu, Norzie tidak lagi bersekolah yang sama kerana dia gagal Sijil Rendah Pelajaran.

Aku juga berkongsi perasaan tentang lelaki dengan Norzie, kerana Norzie cantik, putih dan mempunyai ramai peminat lelaki. Aku menyelami perasaannya tentang cinta, tentang kekecewaan dan sebagainya.

Apabila belajar di ITM Jalan Othman, aku temui lebih ramai manusia dari seluruh pelosok tanah air. Namun di antara yang masih kekal di dalam ingatanku adalah Norasyikin Hussein (Nor), dari Gombak. Di antara teman-teman yang tinggal di dalam *dorm* yang sama, sememangnya aku rapat dengan Nor. Nor seorang yang sangat bertoleransi.

Adakalanya aku kecewa dengan pelbagai perkara di kampus – hubungan dengan teman-teman se-*dorm*, masalah pelajaran, masalah kewangan, lapar, sakit, kecewa dengan keluarga... semua itu dapat kuluahkan kepada Nor. Nor adalah seorang pendengar yang baik. Dia mengajarku bahawa menjadi ‘telinga yang mendengar dengan hati’ memberikan impak yang sangat besar dalam hidup ini. Meskipun kita tidak dapat mengubah keadaan tetapi dengan mempunyai sahabat yang ‘meminjamkan’ telinga dan hatinya, jiwa menjadi lebih tenang dan lapang.

Di Melaka pula, ketika bergelandangan, sahabat yang tak pernah dapat kulupakan adalah Kak Ros dan Abang Aris. Ketika kami terkapai-kapai di rantau orang, mereka berdualah yang selalu menjadi rujukan. Merekalah sahabat sejati yang membantu kami sewaktu kami susah, sedangkan mereka juga bukanlah orang senang. Daripada Kak Ros aku belajar menjadi isteri yang lebih pandai memasak (kerana Kak Ros sangat pandai memasak), daripada Abang Aris aku belajar menjadi manusia yang lebih sabar dengan anak-anak (kerana Abang Aris sangat penyayang kepada kanak-kanak dan selalu mengambil anakku, Ida, ke rumahnya apabila aku ‘naik angin’).

Daripada Kak Ros, aku temui mak ciknya yang dahulunya berjiran denganku (ibu kepada Zul), yang membawa diri ke Melaka kerana kecewa dengan suaminya. Mak cik Encum

menjagaku seperti anaknya sendiri – sesuatu yang tak pernah dapat kulupakan dan tak dapat kubalas budi baiknya. Dialah penasihat, dan dialah juga orang yang menjaga sakit peningku di perantauan. Apabila tak berduit, dia juga yang selalu memberi. Sukar untuk aku membalas budinya, selain daripada aku menjaga satu-satunya anak perempuannya yang bernama Yusni – seperti aku menjaga adik kandungku sendiri.

Aku temui sahabat-sahabat sejatiku di Kuala Lumpur ketika aku dilanda masalah besar. Ketika itu, daripada ribuan manusia yang menghulurkan dan menerima persahabatan, yang benar-benar memahami dan sanggup bersusah payah denganku adalah Ruziah Jalal (dulu Ruziah adalah jiranku di Taman Muzaffar Shah, Melaka dan teman sekerja). Seperti Nor, dia juga menjadi telinga yang baik dan sentiasa membantu mencari jalan keluar bagi masalahku. Dia pasti menghulurkan bantuan kewangan apabila aku memerlukan, dan dia pasti menjadi bahu untuk aku merebahkan kepala dan menangis sepuas-puasnya.

Allah SWT mempertemukan aku dengan Aizul Tallaha, ketika usianya 24 tahun, baru bergelar graduan dan bekerja di SONY. Kami menjadi rapat kerana sama-sama menghadiri Toastmaster Internation Club di Menara PGRM, Cheras. Di dalam kelab pidato Bahasa Inggeris itu, hanya kami berdua sahaja orang Melayu. Kami akrab seperti adik dengan kakak

kerana usiaku 16 tahun lebih tua daripada Aizul. Aizul adalah orang yang sanggup mengorbankan wang ringgit serta waktunya untukku. Dia juga yang menjagaku agar tidak diganggu mana-mana lelaki ketika itu (pelik tapi benar, aku masih mempunyai ramai peminat walaupun usia sudah 40 tahun ketika itu!)

Apabila aku mula berniaga, teman ketawa dan menangis adalah adik angkatku Nora, adikku Cham, dan pengurusku Suriati (Sue). Nora meninggalkan syarikat kerana terpaksa menumpukan perhatian terhadap anak-anak dan rumah tangga setelah membantu aku dan Cham pada tahun pertama penubuhan syarikat. Sehingga kini, Cham dan Sue adalah sahabat paling rapat yang sudi berkongsi segala macam kemelut perasaan dan masalah tetapi terus positif menghadapi dunia perniagaan yang serba mencabar ini. Aku juga mempunyai seorang rakan kongsi, Azlan Anuar, yang cukup prihatin dan sentiasa memberikan sokongan. Haslinda, meskipun nun di Singapura, tidak pernah melupakanku dengan doa-doanya dari jauh.

Apabila takdir menentukan aku menjadi penderita barah rahim, aku menghadapi hari-hariku dengan penuh kekecewaan, ketakutan dan kekesalan. Namun, selain daripada sokongan yang diberikan oleh suami dan anak-anak tercinta, muncul lagi sahabat-sahabat yang memberikan makna yang paling dalam dalam hati sanubariku.

Doktor yang merawatku adalah seorang insan yang mulia – Dr. Inderjit Singh Ludher. Kami sama-sama belajar terapi hormon suatu ketika dulu dan dia sangat mengambil berat tentang kesihatanku. Dialah yang sering memantau segala apa yang kulakukan agar tidak memudaratkan kesihatan. Meskipun adakalanya aku menjadi ‘ganas’ apabila sakit dan selalu memarahinya, namun dia sangat sabar dengan karenahku. Kami menjadi rakan yang akrab semenjak aku ditimpa musibah ini.

Aku juga mendapat semangat daripada sahabatku, Nik Aman, penderita sakit jantung yang sering berkongsi kisah-kisahannya. Ada kalanya ketika perkara-perkara negatif menerpa fikiran, bila ada Nik, aku tidak merasa sakit sendirian.

Selain itu, aku juga meminjam semangat Azura, penderita barah payudara yang sama-sama menjalani rawatan denganku di My Life Center. Dia masih muda dan tinggi semangat juangnya. Meskipun rambutnya sudah botak licin, tetapi dia masih terus mencintai dirinya, bersolek cantik-cantik dan mempunyai banyak impian.

Sebelum aku temui Azura, ada kalanya aku memarahi diriku sendiri, ada kalanya takut menjadi wanita yang tidak lagi disayangi suami dan terasa diri semakin hari semakin buruk. Maka dengan kuasa Allah SWT, Joe Leong didatangkan

ke dalam hidupku untuk memperlihatkan bahawa meskipun aku sakit, aku masih seorang wanita yang cantik. Joe adalah seorang jurugambar profesional (aku mengenalinya melalui Juita Jalil, teman sekolahku). Dari lensa kamera Joe, aku menjadi wanita yang lebih berkeyakinan terhadap diri sendiri. Dia mengembalikan '*self-esteemed*'ku melalui potret-potret yang menarik. Sebagai jurugambar yang telah pergi ke merata-rata ceruk dunia, aku gembira mendengar cerita-cerita Joe mengenai sesuatu tempat atau kisah hidup seseorang yang pernah dipotretkannya.

Kutemui pula Zaen Kasturi, seorang lelaki yang kelihatan sangat sombong, namun rupa-rupanya seorang yang berjiwa halus, penuh simpati dan kasih sayang. Dia penulis tersohor yang telah mengukir nama di persada sastera tanah air (sangat kerdil aku berbanding dia), namun masih sudi menjadi sahabat yang akrab dan membantuku menyunting autobiografi ini – buku yang sedang kamu tatap dan baca ini. Daripada Zaen, aku belajar menjadi penulis yang lebih baik, dan daripadanya juga aku mendapat semangat untuk terus menulis kembali dan mahu terus hidup seribu tahun lagi! Puisi-puisinya yang indah dan mendalam, menjadi obor yang sentiasa membakar semangat juangku. Ketika aku dengan rutin mingguanku – menerima rawatan anti-kanser, menghadapi perit dan seksanya tusukan jarum serta ubat yang membakar sarafku selama lima jam di klinik, adakalanya dia datang menjengahku. Dan adakalanya pula dia membawa

dan menghantar aku pulang ke rumahku kerana pejabatnya di Pusat Islam, Kuala Lumpur, tidak jauh dari tempat rawatanku. Aku mendapat semangat daripada puisi-puisi Zaen dan cerita-ceritanya yang sangat mengagumkanku.

Kupetik antara bait-bait puisi Zaen Kasturi yang memberikan aku semangat untuk terus hidup:

*“... kau adalah gunung yang menampung
seluruh puncak sepi dan derita*

*kau adalah samudera yang menenggelamkan
segenap benci dan angkara*

*hidup ini bagaikan karang segara
kan sering dipukul gelombang*

*(kautahu?
itulah yang membuatnya indah)...”*

Ya... Sesungguhnya hidup ini indah. Dan sahabat-sahabat yang ditakdirkan muncul di dalam hidupku adalah mereka yang telah mengajarku akan erti persahabatan yang luhur dan memberikan sebuah makna paling mendalam di dalam hidup yang dipinjamkan Allah SWT ini.

PENUTUP CERITA

NASIHAT KEPADA ANAK CUCUKU

WAHAI anak-anak, cucu-cucu, cicit-cicit, piut-miutku... Ketika aku menulis buku ini, sememangnya Allah masih mengurniakan segala yang terbaik untukku. Mungkin pada suatu ketika Dia akan mengambilnya semua daripadaku... *Wallahu a'lam.*

Aku ingin dikenali sebagai seorang ibu yang baik kepada kalian. Mungkin aku bukan wanita yang sempurna, tetapi menjadi ibu yang baik adalah sesuatu yang amat bernilai. Seorang ibu yang baik menjadi pelindung kepada anak-anaknya, menjadi sahabat yang berkongsi waktu-waktu sedih dan gembira. Seorang ibu yang baik mesti pandai memasak kerana kasih sayang mengalir daripada usaha seorang ibu menyediakan makanan untuk keluarganya. Ibu yang bijak memilih makanan berkhasiat untuk anak-anaknya dapat memberikan kesihatan yang baik kepada mereka. Seorang ibu yang baik juga dapat menunjukkan kepada anaknya jalan yang betul ke arah kebenaran dan memberi nasihat yang berupaya meleraikan kekusutan.

Aku bukanlah seorang wanita yang cukup solehah untuk dihormati kerana keimananku. Namun, aku yakin bahawa peribadi yang baik akan membuahkan iman yang baik juga.

Aku sentiasa akan memperbaiki kelemahan diri. Kepada suami, anak-anak dan saudara-saudaraku yang pernah melayari hidup ini sejak kita mula dilahirkan atau ditemukan, maafkanlah segala kekurangan pada diriku. Kenangkanlah kebaikanku, usahlah disebut kekuranganku. Biarlah apa yang positif itu sentiasa berlegar di dalam hidup kita.

Daripada cerita-cerita ini, banyak yang dapat kita simpulkan, wahai anak-anak cucuku. Kita tidak pernah dapat memilih siapa ibu dan bapa kita; itulah Takdir. Jadi apabila kita melihat ibu kepada sahabat-sahabat kita lebih baik daripada ibu kita sendiri, usahlah kita membenci kepadanya, kerana peribadi seseorang itu terbentuk daripada keturunannya, persekitarannya, ilmunya dan keimanannya. Redhalah dengan ibu dan bapa kita. Meski mereka tidak dapat menjadi idola, namun tanpa mereka tiadalah kita lahir ke dunia dan tidak akan dapat kita melalui kehidupan yang maha indah ini. Apabila cukup waktu kamu berkeluarga, jadilah ibu yang baik, jadilah ayah yang bertanggungjawab dan jadilah orang yang lebih baik daripada ibu dan bapa kamu sendiri. Jika berlaku sesuatu yang tidak dikehendaki dalam hidup, ia bukannya berlaku kerana salah ibu bapa – Allah telah pun memberikan kita akal untuk berfikir, segala tindakan yang kita lakukan adalah pilihan kita sendiri. Setiap yang berlaku, hikmahnya amat besar. Hidup ini bagaikan membuka satu pintu karma untuk pergi ke satu pintu lagi.

Hidup adalah cerita yang telah diciptakan daripada segala kejadian, sepertimana ceritaku hari ini.

Hikmah kedua adalah mengenai cinta. Usah kita cari cinta, kerana cinta itu sebenarnya suatu anugerah yang akan datang sendiri. Jodoh terletak di tangan takdir. Di dalam dunia ini, tiada lelaki ataupun perempuan yang sempurna. Namun jodoh yang Allah hadiahkan kepada kita itu adalah yang paling sempurna bagi kita.

Perkahwinan memerlukan banyak pengorbanan, namun apabila kita menerima kekurangan pasangan kita, hidup ini akan menjadi lebih mudah dengan keredhaan hati kita sendiri.

Setiap masalah di dalam rumah tangga juga menjadi sebab untuk mematangkan kita. Kita belajar setiap hari daripada masalah dan cara kita menangani masalah itu. Sebagai suami, manjakanlah isterimu, pujilah dia, kerana tiada pujian yang lebih dikehendaki oleh seorang perempuan selain daripada orang yang disayanginya. Sama-samalah kita berkongsi susah dan senang kehidupan ini. Sikap mementingkan diri sendiri adalah suatu kesilapan besar kerana semua itu akan menjarakkan hubungan kekeluargaan. Sebagai isteri, paling penting adalah bersyukur pada pemberian suami. Jika gajinya kecil dan tidak dapat memberikan kemewahan, ingatlah kebbaikannya yang

memberikan kita kebahagiaan. Hidup tidak boleh sentiasa mahu menang, mengalah sesekali tiada sedikit pun akan mencatatkan kita. Hidup harus saling memaafi kerana tiada manusia yang bebas daripada berbuat kesilapan.

Anak-anak cucuku, sama ada wanita mahupun lelaki mestilah menjaga kebersihan, kecantikan dan kesihatannya untuk suami atau isteri dan anak-anak selain daripada tanggungjawab yang lain. Jangan membiarkan diri menjadi malas, gemuk, hodoh dan tidak bersih – kerana pandangan luaran itu adalah saksi terhadap keperibadian kita. Tabiat adalah sesuatu yang kita cipta apabila kita sering melakukannya – setiap hari sekurang-kurangnya tiga bulan. Tabiat yang baik dapat dibentuk dalam tempoh tiga bulan, dan tabiat yang buruk juga dapat dikikis dalam tempoh tiga bulan jika kita benar-benar mahukannya.

Jangan cemburu di atas kejayaan orang lain. Orang yang berjaya adalah orang yang rajin, bukan setakat ketentuan ‘nasib’. Kikislah sikap cemburu itu, dan belajarliah daripada saudara-saudaramu yang lebih berjaya. Cemburu adalah sikap yang sangat negatif kerana ia sebenarnya merosakkan diri sendiri. Segala perasaan negatif yang ada itu sebenarnya membuat kita sering rasa tidak puas hati, sedangkan orang yang kita cemburui itu sedikit pun tidak terjejas rasa bahagiannya. Gunakan rasa cemburu sebagai satu sebab untuk lebih berjaya, bukan untuk merosakkan yang lain

kerana ia akan memberi impak yang buruk kepada diri sendiri.

Wahai anak-anak cucuku...

Jadilah insan yang terbaik dalam bidang masing-masing – walaupun kamu berniaga pisang goreng, jadikanlah pisang goreng kamu itu yang paling diinginkan oleh semua orang. Tidak ada bidang kerja yang tidak bagus melainkan sesuatu yang melibatkan perkara yang haram.

Selalulah mencintai tugasmu. Jika kamu tidak suka kepada tugas atau pekerjaanmu, belajarlah menyukai SEBAB kamu bekerja. Tugas yang dijalankan itu mungkin membawa makna yang besar dalam kehidupan – untuk membesarkan anak-anak, memberi kesenangan kepada isteri atau suami dan memberi kamu rasa ‘penting’ kepada seluruh organisasi dan masyarakat.

Jika Allah memberikan rezeki yang banyak dan memberi kesenangan kepadamu, janganlah sesekali menjadi sombong, kerana Allah boleh mengambil segala yang kita ada dalam sekelip mata. Rezeki adalah rahmat Allah, di dalamnya diperuntukan bagi yang lain. Kita ini adalah seperti sebuah jambatan. Allah mengurniakan rezeki untuk menghubungkan kita kepada manusia lain. Adakalanya sebahagian rezeki yang banyak itu rupa-rupanya untuk membantu seorang tukang

paip. Misalnya, tiba-tiba paip di rumah kamu bermasalah. Rezeki itu untuk anak-anak, untuk isteri, untuk saudara mara yang sakit tenat, untuk guru yang mahu ke Mekah, untuk pekerja-pekerja TNB dan Telekom... fikirkanlah, kita ini hanya jambatan bagi rezeki itu diagih-agihkan. Jangan terlalu sombong mendabik dada – duit aku, akulah yang punya. Bukan begitu caranya.

Tiada tempat bagi orang yang sombong di sisi Allah. Dan tiada tempat juga bagi orang yang sombong di hati saudara-saudaranya. Setiap manusia yang miskin ataupun yang kaya dijadikan Allah dengan tugas masing-masing. Jika semua orang menjadi kaya, tidak akan ada keseimbangan di dalam dunia ini. Jika semua orang menjadi pandai, tidak akan ada orang yang mahu belajar. Setiap manusia mempunyai kelebihan masing-masing.

Jadilah tangan yang memberi dan jangan selalu mengambil kesempatan di atas kebaikan orang lain. Meskipun kita miskin, jika ada seringgit, berilah dua puluh sen kepada orang yang memerlukan. Teringat seorang sahabat pernah bercerita, jika dia tidak berupaya memberi kepada manusia, dia memberi makan kepada haiwan-haiwan yang kelaparan, hatta segerombolan semut, dengan sisa-sisa roti atau biskut sahaja!

Anak-anak cucuku, kita mencipta rasa bahagia dengan cara kita sendiri. Bagiku, menyukakan hati kanak-kanak memberikan aku rasa bahagia. Seseekali belilah apa-apa untuk kanak-kanak yang kita jumpa di tadika, madrasah, sekolah atau rumah anak-anak yatim. Kadangkala hanya aiskrim atau kuih pun sudah cukup menggembirakan mereka. Menggembirakan anak-anak dan cucu, meskipun hanya mencari kuda mainan mereka mencetus suatu perasaan yang sukar digambarkan!

Pesanku lagi, sentiasalah berfikiran positif kerana fikiran yang positif sentiasa bertindak seperti magnet yang menarik perkara-perkara yang baik untuk datang ke dalam hidup kita. Tidak salah kita membina impian – tanpa impian manusia menjadi biasa-biasa saja. Membina impian dan menghimpun angan-angan kosong adalah dua perkara yang sangat jauh bezanya. Apabila kita mempunyai impian, kita pasti berusaha untuk mencapai segala yang kita impikan. Susah atau senang bukan lagi halangannya – apa yang penting impian itu wajib kita buru. Biarlah mimpi sampai ke bintang; jika tidak dapat mencapai bintang pun, sekurang-kurangnya kita dapat naik ke awan, bukan melata di bumi dan dipijak orang.

Hargailah sahabat-sahabat setiamu, kerana sahabat yang baik terlalu sukar untuk kita cari. Mereka bagaikan berlian di lautan pasir. Sahabat sejati sesungguhnya menjadi aset paling berharga di dalam hidup ini. Adakalanya mereka

jauh lebih baik daripada saudara-saudara sedarah sedaging kita. Namun belajarliah mengenali dan menerima kekurangan mereka. Tiada manusia yang sempurna, begitu juga mereka.

Usah sesekali kita menjadi manusia yang suka membuat andaian dan menghukum peribadi seseorang. Tak kenal maka tak cinta. Orang yang kita berprasangka buruk, adakalanya itulah penyelamat. Orang yang kita sangkakan baik adakalanya menjadi api di dalam sekam. Oleh kerana itu juga janganlah kita meletakkan kepercayaan seratus peratus kepada sesiapa sahaja, hatta suami, anak-anak, sahabat atau rakan niaga, kerana mereka juga manusia biasa yang tidak pernah bebas daripada melakukan kesilapan di dalam hidup.

Keraguan sepuluh peratus adalah untuk kita bermuhasabah dan untuk kita menilai semula setiap keputusan yang perlu kita ambil. Jika kita tersalah langkah, lalu langkah itu membawa kita kepada pelbagai rentetan masalah – salahkanlah diri kita yang tersilap membuat perhitungan. Kita yang mengatakan “Ya” dalam keadaan kita alpa. Segala yang baik itu datang daripada Allah SWT dan apa yang buruk itu datangnya daripada perhitungan kita sendiri.

Akhir sekali, hitunglah nikmat Allah yang tidak terhingga setiap waktu. Bersyukur dengan apa yang kita ada. Jangan kita hitung segala kesedihan dan kepedihan kerana di sebalik

setiap musibah itu terkandung rahsia Tuhan yang tidak sampai kepada akal kita untuk memikirkannya.

Ya Allah, Ya Rabbi, Ya Rahim... selama 50 tahun Kau menghadiahkan kehidupan kepadaku. Kau telah memberikan aku peluang untuk menjadi insan yang semakin sempurna. Daripada segala pahit getir dan segala macam pengalaman yang kuceduk daripada kehidupan ini, aku pasti di sebaliknya ada hikmah yang masih tak dapat kuleraikan. Berikanlah aku peluang untuk terus memperbaiki diriku, keimananku, peribadiku, semoga anak-anak cucuku dapat mencontohi sesuatu yang baik dan menjauhi pengalaman yang pahit yang pernah aku lalui.

Ya Allah, jadikanlah anak-anak cucuku orang-orang yang beriman, berjaya, beramal soleh dan sentiasa saling bantu membantu di antara satu sama lain... kerana aku menginginkan keturunanku menjadi keturunan yang baik-baik di sisi-Mu, ya Allah.

Amin... Amin Ya Rabbal A'lamin!

Segala puji hanya kepada-Mu... Segala-galanya di dalam ilmu-Mu. Sesungguhnya Kau lebih mengetahui apa yang menanti di hadapanku...